

Baginda saw bersabda: "Permisalan umatku ini adalah sebagaimana air hujan, iaitu tidak dapat diketahui, apakah bahagian permulaan yang lebih diberkati atau bahagian terakhir"
(Tirmidzi)

Hujan Rohani

*Kita adalah hujan
Hujan membawa rahmat
Rahmat Nabi Muhammad^{saw}
Ajaran penuh berkat*

*Jangan takut kepada penentangan
Itulah lumrah kebenaran
Biarkan musuh dengan rancangnya
Kita dengan Tuhan Yang Esa*

*Sejarah menjadi saksi
Orang beriman tidak sendiri
Mereka dianiaya sampai mati
Tetapi mereka kekal abadi*

*Biar musuh mencaci maki
Kita dicintai ilahi
Biar dunia melarikan diri
Asalkan Tuhan tetap dihati*

*Ayuh mari kita cipta sejarah
Masa tak menunggu kita
Hidup ini sementara
Jangan habis sia-sia"*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah
Yang Maha Pemurah, Lagi Maha Pengasih

Pengetahuan Islam & Ahmadiyah

Di dalam bentuk Soalan dan Jawapan



LAJNAH IMAILLAH MALAYSIA
September 2010



Buku ini adalah hasil inspirasi daripada buku bertajuk
“A book of Islamic Knowledge”

Disediakan oleh:
Jabatan Ta’lim Majlis Khuddamul Ahmadiyah UK

Terbitan Pertama di United Kingdom pada 2006
Edisi Kedua April 2007
© Islam International Publications Ltd

Diterbitkan oleh:
Majlis Khuddamul Ahmadiyya UK
181 London Rd
Morden, Surrey
SM4 5HF

Diterjemahkan dan disusun oleh:
Puan Salma Muhd. Salih (Sekr. Isha’at Lajnah Imaillah)
Puan Bushra Dewi Amiruddin (Naib Sekr. Isha’at Lajnah Imaillah)
Puan Solhah Muhammad
Cik Ungku Sakinah Ungku Adnan

Disemak oleh:
Dewan Naskah Jemaat Ahmadiyah Malaysia

Diselenggarakan oleh:
Tuan Jariullah Ahmad
Sekretari Isha’at (Penerbitan) Nasional
Jemaat Ahmadiyah Malaysia

Diterbitkan oleh:
Lajnah Imaillah
Jemaat Ahmadiyah Malaysia

Terbitan pertama di Malaysia pada September 2010

S56
Ada 3 jenis peratus dalam pembayaran Candah Wasiyat, sebutkan!

J. 1/10 , 1/5, 1/3

S57
Apakah tujuan Tahrik Jadid dan berapa minimum perjanjiannya?

J.
Tahrik Jadid adalah satu skim yang diperkenalkan bagi Penubuhan Misi Ahmadiyah (penyebaran Islam) di luar negara Pakistan. Jumlah pengorbanannya berdasarkan perjanjian dalam setahun dan tidak ditetapkan had jumlahnya.

S58
Apakah tujuan Waqf Jadid dan berapa minimum perjanjiannya?

J.
Waqf Jadid adalah satu skim yang diperkenalkan dalam tahun 1957 yang bertujuan untuk mengendalikan hal-hal tabligh ke kawasan pendalam/kampung. Jumlah pengorbanannya berdasarkan perjanjian dalam setahun. Untuk Jemaat Ahmadiyah Malaysia ditetapkan minimal RM5.00 setahun.

S59
Siapakah yang mencipta Logo Lajnah Imaillah Malaysia?

J.
Puan Qudsia Nusrat Jahari.

S60
Jelaskan makna lambang piramid yang digambarkan dalam logo Lajnah Imaillah Malaysia.

J.
Lambang piramid adalah tanda semangat yang tinggi serta utuh.



S50

Sebutkan 4 daripada 18 jawatan dalam organisasi Lajnah Imaillah Mulk.

J:

Sadr, Naib Sadr, Sekr. Am, Naib Sekr. Am, Sekr. Tajnid, Sekr. Diyafat, Sekr. Isha'at, Sekr. Mal, Sekr. Tarbiyat, Sekr. Tabligh, Sekr. Ta'lim, Sekr. Khidmat Khalq, Sekr. San'at wa Dastkari, Sekr. Tahrik Jadid & Waqf Jadid, Sekr. Sihat Jismani, Muhasiba Mal, Sekr. Nasirat, Sekr. Nau Mubai'at.

S51

Jelaskan tugas Sekretari Nau Mubai'at.

J:

Beliau bertanggungjawab untuk menyimpan rekod mengenai butir-butir ahli lajinah dan nasirat yang baru bai'at dan mengajar serta melatih mereka menurut keupayaan mereka dan juga melibatkan mereka di dalam pengorbanan kewangan.

S52

Apakah yang dimaksud dengan Ijtima

J:

Perjumpaan/perhimpunan tahunan.

S53

Sebutkan 4 pengorbanan sukarela dalam Jemaat Ahmadiyah.

J:

Literature, Audio Visual, MTA, Buyutil Hamd, Bilal Fund, Dana Darwis, Dana Maryam.

S54

Apakah kegunaan Bilal Fund tersebut?

J:

Dana tersebut digunakan untuk membantu ahli keluarga yang ditinggalkan kerana syahid.

S55

Sebutkan 2 jenis pengorbanan yang wajib kita laksanakan sebagai seorang anggota Jemaat Ahmadiyah.

J:

Candah Am atau Canda Wasiyat (musi & musiah) dan Canda Jalsa.

KATA PENGANTAR

Kami bacakan Surah ThaHa, ayat 115:

رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا

"Wahai Tuhan, tambahkanlah ilmu kepadaku."

Al-Qur'an juga menyamakan ilmu pengetahuan dengan "Kurniaan Tuhan yang teragung", di dalam Surah Al-Baqarah (2:270) dan Surah An-Nisa' (4:114).

Pernah diriwayatkan bahawa Rasulullah^{saw} bersabda: "Carilah ilmu walaupun sampai ke negara China" (Mishkatul-Anwar, Ali At-Tabrisi, ms 239)

Ilmu pengetahuan terdiri dari dua, yang pertama ialah dengan keizinanNya memberikan kepada manusia yang terpilih melalui wahyu – manifestasi yang paling sempurna iaitu Al-Qur'an, dan yang kedua di mana manusia memperolehinya melalui daya dan usaha sendiri. Adalah menjadi tanggungjawab ke atas semua anggota Khuddam dan Atfal untuk menambahkan ilmu pengetahuan kerana ianya dapat meninggikan taraf kehidupan dan memperkayakan mereka faedah kepada diri sendiri dan juga yang lain.

Majlis Khuddamul Ahmadiyah UK telah mendapat restu bimbingan yang tinggi daripada Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} bagi menjayakan kerja-kerja penerbitan kami yang lemah ini.

Doa kami agar ianya akan dijadikan sebagai satu sumber rujukan bagi mendapatkan ilmu tentang Islam dan Ahmadiyah. Visi kami adalah setiap Khadim dan Tifl akan memanfaatkan usaha ini dan menggunakan bagi menambah pemahaman tentang tujuan keberadaannya. Semoga Allah^{swt} menerima doa-doa ini.

Ramai anggota Majlis Khuddamul Ahmadiyah UK yang telah membantu di dalam penerbitan buku ini. Mohon doa untuk mereka, terutamanya untuk Jabatan Ta'lim di Majlis Khuddamul Ahmadiyah UK dan Muhtamim Ta'lim - Faez Ahmad, semoga Allah memberikan ganjaran kepada mereka di atas segala usaha mereka. Doa juga dimohon untuk Muniruddin Shams Sahib (Vakilut Tasnif Tambahan) yang telah memberikan nasihat berharga di dalam semakan bacaan terakhir dan kandungan sebelum ia diterbitkan.

Segala pujian hanya bagi Allah^{swt}. Semoga Allah^{swt} menambahkan ilmu pengetahuan dan pemahaman ke tahap yang dapat membawa kita lebih dekat kepadaNya. Amin.

Mirza Fakhar Ahmad
Sadr Majlis Khuddamul Ahmadiyah UK

Ogos 2006

S46

Pada tahun berapakah Lajnah Imaillah ditubuhkan dan apa maknanya?

J:

1922; Wanita-wanita Penolong Allah

S47

Sebutkan 2 badan dibawah pengawasan Lajnah Imaillah serta batasan umurnya.

J:

Banathul Ahmadiyah (0 - 7 thn) & Nasiratul Ahmadiyah (7 - 15 thn).

S47

Sebutkan sabda Hazrat Muslih Mau'ud ra mengenai wanita, berkenaan dengan keberjayaan Islam?

J:

“Islam pasti akan berjaya sekiranya kamu mampu memulihkan lima puluh peratus kaum wanita.”

S48

Sebutkan dua dari empat jenis pengorbanan yang digunakan untuk kepentingan aktiviti Lajnah Imaillah dan jumlah bayaran minimumnya masing-masing. (Berdasarkan hasil keputusan Majlis Syura Lajnah Imaillah Malaysia yang telah dipersetujui oleh Hazrat Khalifatul Masih)

J:

1. Yuran Lajnah, 1% dari penghasilan bagi yang bekerja atau minimum rm1.00 bagi yang tak bekerja.
2. Yuran Ijtima, minimum RM1.00.
3. Genggaman Beras, minimum mengikut harga sekilo beras yang biasa digunakan di rumah.
4. Khidmat Khalq, minimum RM1.00.

S49

Biasanya Sadr Lajnah Muqami (Cawangan) dilantik oleh Sadr Lajnah Mulk (Nasional), tetapi ada dua muqami dimana pelantikannya diperoleh terus daripada Hazrat Khalifatul Masih. Sebutkan nama kedua muqami tersebut.

J:


Qadian dan Rabwah.

S42.

Berikan tarikh bermulanya pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengeluarkan notis serta-merta yang menghalang anggota Jemaat Ahmadiyah melaksanakan kewajipan solat Jumaat di Baitussalam, Kampung Nakhoda, dengan alasan tidak mendapat izin daripada pihak mereka.

J:

24 April 2009



S43

Apakah nama tanah perkuburan orang-orang yang mengikuti Program Al Wasiyat di Malaysia?

J.

Maqbara Mushian



S44

Sebutkan nama Musi pertama yang dikebumikan di Maqbara Mushian, Cheras, KL dan beliau juga menjadi anggota Jemaat Ahmadiyah Kuala Lumpur yang pertama yang mendermakan organ matanya?

J:

Tuan Eusoff Hj. Caadir

S45

Sebutkan nama musiah pertama yang dikebumikan di Maqbara Mushian, Cheras, Kuala Lumpur?

J:

Puan Asmah Ahmad

PENGENALAN

Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} telah mengarahkan bahawa setiap Khadim perlu diuji dan dengan itu satu sukan pelajaran perlu disediakan berdasarkan Sejarah Islam dan Ahmadiyah.

Bagi menambahkan sukan pelajaran tersebut, Jabatan Ta'lim telah menyediakan buku ini dengan tujuan agar isi kandungannya akan dapat membantu para pembaca mengetahui tentang ilmu kefahaman Islam.

Di dalam penyediaan buku ini, kami menggunakan bahan-bahan bacaan sedia ada yang telah dikeluarkan oleh para sarjana ilmuwan Jemaat Ahmadiyah Muslim.

Saya sangat berterima kasih kepada anggota-anggota Majlis Khuddamul Ahmadiyah UK, pasukan Ta'lim dan anggota-anggota Jemaat yang lain yang telah membantu saya dengan memberikan kesetiaan yang kukuh serta cadangan-cadangan yang amat berharga. Semoga Allah^{swt} memberikan sebanyak-banyaknya ganjaran kepada mereka. (Amin).

Saya berdoa agar usaha kecil ini akan dapat membantu setiap golongan pembaca.

Segala pujian hanya bagi Allah^{swt}, Tuhan sekalian alam.

Faez Ahmad
Muhtamim Ta'lim
Majlis Khuddamul Ahmadiyah UK
Ogos 2006

KATA-KATA ALUAN

Assalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh,

Alhamdulillah kita panjatkan syukur ke Hadirat Allah^{swt} kerana dengan kurniaNya, Lajnah Imaillah Malaysia dapat menyempurnakan terjemahan buku yang amat berguna mengenai ilmu pengetahuan tentang Islam dan juga tentang Jemaat Ahmadiyah.

Judul asal buku ini adalah "A Book of Islamic Knowledge" di dalam versi bahasa Inggeris yang disusun dan diterbitkan oleh Majlis Khuddamul Ahmadiyah United Kingdom.

Buku ini telah dipilih untuk diterjemahkan dalam program Ta'lim Lajnah Imaillah Malaysia sesi 2007-2009 dan ianya dilanjutkan ke sesi 2009-2011. Berkat kerjasama Sekretari Ta'lim dan Sekretari Isha'at Lajnah Imaillah Malaysia, buku ini telah dapat diterjemahkan dan disusun oleh barisan penterjemah yang diketuai oleh Puan Salma Muhd. Salih selaku Sekretari Isha'at dan dibantu oleh Puan Bushra Dewi Amiruddin, Puan Solhah Muhammad dan Cik Ungku Sakinah Ungku Adnan.

Seperkara yang lebih menarik ialah buku ini juga memasukkan soalan-soalan dan jawapan-jawapan mengenai sejarah Jemaat Ahmadiyah Malaysia bagi membolehkan generasi sekarang dan yang akan datang dapat mempelajari ketabahan para Ahmadi di masa awal, yang telah melalui pelbagai rintangan yang hebat. Mudah-mudahan buku ini akan membantu setiap Ahmadi Muslim di Malaysia memperlihatkan kualiti keimanan yang tinggi dalam memenuhi wasiat suci Nabi Muhammad^{saw} yang diperintahkan kembali oleh Hazrat Mirza Ghulam Ahmad^{as} dan para Khalifahnya.

Akhir kata, tidak ketinggalan untuk mengucapkan setinggi penghargaan kepada anggota Dewan Naskah dan Sekretari Isha'at Nasional, Tuan Jariullah Ahmad yang bertungkus lumus menyiapkan buku ini. Semoga ianya dapat memberikan manfaat kepada semua anggota dan semoga kita semua diberkatiNya. Amin, InsyaAllah.

Daripada,
Puan Radiyah bt Muhd Zain
Sadr Lajnah Imaillah Malaysia

S40

Pihak Jemaat Ahmadiyah Malaysia telah mengutus dua surat memohon diadakan muzakarah terbuka selepas pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mengatakan tidak pernah menutup pintu kepada Jemaat Ahmadiyah Malaysia. Sebutkan tarikh kedua-dua surat tersebut?

J:

2hb Januari 2009 dan 12hb Januari 2009.



S41

Pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) tidak menjawab terhadap surat dan kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Jemaat Ahmadiyah Malaysia yang meminta diadakannya muzakarah terbuka. Apakah alasan mereka berikan?



J:

Jemaat Ahmadiyah telah difatwakan sebagai agama yang sesat dan terkeluar daripada Islam.

S36.

Siapakah tokoh Ahmadi Muslim pertama yang dihadapkan ke Mahkamah Syariah di Kedah atas tuduhan menyebarkan ajaran Ahmadiyah? (Tetapi kemudian pendakwaan tersebut terpaksa digugurkan).

J:


Cikgu Abdul Rahim Bahauddin

S37

Pada tahun 1978, Tuan Muhd. Zain mengeluarkan buku yang telah menimbulkan kegemparan di Malaysia kerana beliau berjaya menjawab segala fitnah dan memperlihatkan ketidakadilan yang dilakukan oleh para ulama. Apakah tajuk buku berkenaan?

J:

Surat Menyurat Antara Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dengan Jemaat Ahmadiyah



S38.

Pihak Jemaat Ahmadiyah Malaysia pernah mengadakan muzakarah tertutup dengan pihak Jabatan Agama Islam Selangor bagi menjawab segala tuduhan yang dilemparkannya. Terutamanya mengenai permasalahan Khataman Nabiyyin. Bilakah tarikh muzakarah tersebut?

J:

27hb September 2002

S39

Dalam muzakarah tertutup dengan pihak Jabatan Agama Islam Selangor pada 27hb September 2002, mereka menafsirkan ayat mengenai kenabian tersebut bersifat *past tense* yang berlaku di zaman tersebut. Apakah Surah dan ayat tersebut?

J.

Surah Ad Dukhan, ayat 5



Singkatan Perkataan



Singkatan perkataan berikut digunakan di dalam buku ini; para pembaca diminta untuk menutur salam-salam hormat ini secara penuh semasa membaca buku ini.

- saw/sa *sallallahu 'alaihi wa sallam*, bermaksud, "semoga Allah melimpahkan kesejahteraan dan restu ke atas beliau" ianya ditulis selepas nama Nabi Muhammad^{saw}.
- as *'alaihis salam*, bermaksud, "semoga kesejahteraan bersama beliau" utamanya ditulis selepas nama Nabi-Nabi selain daripada Nabi Muhammad^{saw}.
- ra *radi-Allahu'anhu/'anha*, bermaksud, "semoga Allah redha dengannya" ianya ditulis selepas nama-nama para sahabat Rasullullah^{saw} dan juga para sahabat Imam Mahdi^{as}.
- rta *rahmatullah 'alaih*, bermaksud, "semoga Allah mencucuri rahmat ke atasnya" ianya ditulis selepas nama-nama alim solihin Islam yang telah meninggal yang bukan para sahabat kepada Nabi Muhammad^{saw} dan juga Imam Mahdi^{as}.
- aba *ayyadahullahu ta'alaa bi nasrihil 'aziz*, bermaksud, "semoga Allah menyokong beliau dengan bantuan kekuatanNya" ianya ditulis selepas nama Khalifah Imam Mahdi^{as} semasa/ketika ini.
- Hz Hazrat yang bermaksud - "Yang Mulia" dalam Bahasa Arab



JANJI KHUDDAMUL AHMADIYAH

Asyhadu allaa ilaaha illallaahu wahdahuu laa syariikalahu
Wa asyhadu anna Muhammadan 'abduhuu wa Rasuuluh

Saya berjanji bahawa saya akan sentiasa bersedia untuk
mengorbankan kehidupan, kekayaan, masa dan kehormatan saya
untuk Agama, Negara dan Bangsa.

Saya juga berjanji untuk sentiasa bersedia memberikan segala
pengorbanan untuk tetap berdirinya Khilafat Ahmadiyah

Dan saya akan mematuhi segala keputusan yang ma'ruf
daripada Khalifatul Masih.
InsyaAllah

JANJI ATFALUL AHMADIYAH

Asyhadu allaa ilaaha illallaahu wahdahuu laa syariikalahu
Wa asyhadu anna Muhammadan 'abduhuu wa Rasuuluh

Saya berjanji akan sentiasa bersedia
mengkhidmati Islam, Ahmadiyah, Negara dan Bangsa

Saya akan sentiasa berkata benar, saya tidak akan menggunakan
perkataan yang tidak baik kepada sesiapapun

Dan akan sentiasa berusaha mematuhi segala perintah
daripada Khalifatul Masih.
Insya Allah

S30.

Majlis Raja-Raja Melayu yang bersidang kali Ke 101 telah bersetuju dengan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang memfatwakan Jemaat Ahmadiyah sebagai terkeluar daripada Islam. Bilakah tarikh tersebut?

J:

18 Jun 1975

S31

Siapakah Ahmadi Muslim yang berasal dari Melaka yang giat bertabligh ke seluruh Malaysia sehingga ke selatan Thailand?

J:

Tuan Faqeeh Wahab

S32.

Sebutkan dua putera Melayu yang di hantar ke Rabwah pada tahun 1982 -1983 dan menjadi mubaligh di Malaysia ?

J:

Tuan Ainul Yaqin Muhd Zain dan Tuan Abdul Latief Ahmad

S33

Pada tahun berapakah masjid Baitussalam di Kampung Nakhoda mula dibina dan bilakah siap pembinaannya?

J:

Mula dibina pada tahun 1989 dan siap pada tahun 1991.

S34.

Siapakah mubaligh yang bertugas semasa proses pembinaan masjid Baitussalam?

J:

Tuan Mln Abdul Basit

S35

Sebutkan nama empat orang khuddam yang di hantar ke Qadian pada tahun 1998-1999?

J:

Tn Mln Masroor Ahmad
Tn Mln Abdul Aziz
Tn Mln Saladdin
Tn Mln Muhd Khairi

S25

Siapakah tokoh Ahmadi Muslim yang memperkenalkan Jemaat Ahmadiyah kepada Tuan Muhd. Zain di Kampung Baru?

J:

Tuan Ahmad Nadi

S26

Akibat giat bertabigh yang dilakukan oleh Tuan Muhd. Zain telah menimbulkan kemarahan penduduk Kampung Baru. Apakah bentuk penganiayaan yang dilakukan oleh mereka sebelum menghalau Tuan Muhd. Zain daripada Kampung Baru pada tahun 1955?

J:

Penduduk Kampung Baru telah melemparkan 7 tong najis ke kawasan rumah Tuan Muhd. Zain.



S27

Pada tahun 1959, sekali lagi anggota Jemaat Ahmadiyah yang berkampung di Kampung Datuk Keramat telah dihalau. Ke manakah mereka berpindah selepas itu?

J:

Kampung Nakhoda



S28

Siapakah mubaligh yang menggantikan Maulana Muhammad Shadiq Barkatullah pada tahun 1960-an?

J:

Tuan Mln Saeed Ansari



S29.

Jemaat Ahmadiyah cawangan Kuala Lumpur didirikan pada tahun 1963. Siapakah Presiden Jemaat Kuala Lumpur yang pertama?

J.

Cikgu Ismail Karsah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

JANJI LAJNAH IMAILLAH

Asyhadu allaa ilaaha illallaahu wahdahuu laa syariikalahu
Wa asyhadu anna Muhammadan 'abduhuu wa Rasuulu

Saya menyaksikan bahawa tidak ada Tuhan selain ALLAH,
tidak ada sekutunya dan saya menyaksikan bahawa
Nabi Muhammad^{saw} adalah hamba dan utusanNya.

Saya berjanji bahawa saya akan selalu siap sedia mengorbankan
hidup saya, kekayaan, waktu dan anak-anak demi kepentingan agama
dan untuk membela kebenaran Jemaat.

Saya akan selalu berpegang kepada kebenaran, selalu menyediakan diri
untuk memberikan setiap pengorbanan demi kepentingan
Khilafat Ahmadiyah. Amin. InsyaAllah

JANJI NASIRATUL AHMADIYAH

Asyhadu allaa ilaaha illallaahu wahdahuu laa syariikalahu
Wa asyhadu anna Muhammadan 'abduhuu wa Rasuulu

Saya menyaksikan bahawa tidak ada Tuhan selain ALLAH,
tidak ada sekutunya dan saya menyaksikan bahawa
Nabi Muhammad^{saw} adalah hamba dan utusanNya.

Saya dengan bersungguh-sungguh berjanji bahawa
saya akan selalu menyediakan diri untuk mengkhidmati agama,
bangsa dan negara saya.

Dan saya akan selalu berpegang kepada kebenaran,
Selalu menyediakan diri untuk memberikan setiap pengorbanan
demi kepentingan Khilafat Ahmadiyah. Amin. InsyaAllah



Maksud Logo

1. Lambang Piramid adalah tanda semangat yang tinggi serta utuh.
2. LIM digabungkan dalam bentuk piramid kerana mempunyai cita-cita yang sama dan bersatu dalam setiap hal.
3. Bulatan Bumi adalah membuktikan organisasi ini diterima oleh semua negara dan antara organisasi yang benar yang berada di tingkat paling atas.
4. L-Lajnah diwakilkan dengan warna bendera Jemaat
5. I-Imallah diwakilkan dengan Minaratul Masih
6. M-diwakilkan dengan bendera Malaysia

S19.

Ada seorang tokoh pada masa lampau yang bertabligh sambil mengajar silat di Jeram. Siapakah tokoh berkenaan?

J:

Mln Zaini Dahlan

S20.

Siapakah orang Tanah Melayu yang pertama pergi ke Qadian untuk mendalami ilmu agama ?

J:

Tuan Muhd Zohdi Fadzli

S21

Tuan Muhd Zohdi Fadzli berangkat ke Qadian bagi mendalami ilmu agama. Sebutkan tarikhnya?

J:

9 hb Jan 1938

S22

Siapakah doktor Ahmadi Muslim yang berpangkat Kapten di dalam tentera British yang telah datang ke Jesselton dan membuka cawangan Jemaat Ahmadiyah di Jesselton (kini dikenali sebagai Kota Kinabalu)

J:

Dr Badruddin Ahmad

S23

Apakah nama majalah yang diterbitkan dalam dwi bahasa iaitu Melayu-Inggeris yang diterbitkan oleh Dr Badruddin Ahmad di Jesselton pada tahun 1955?

J:

Peace

S24

Jemaat Ahmadiyah telah didirikan di Sandakan pada tahun 1960. Siapakah Presiden pertama Jemaat Ahmadiyah di Sandakan?

J. Tuan Muhammad Dantalmura Hj Yusop

S14.

Selepas tidak mendapat jawapan dalam masa 14 hari dan tiada khabar mengenai muzakarah kedua. Tiba-tiba para ulama meminta Jemaat Ahmadiyah datang ke istana. Bilakah tarikh tersebut?

J:

15 Disember 1953

S15.

Dalam pertemuan muzakarah kedua, Syaikhul-Islam Mahmud Zohdi telah digantikan dengan seorang tokoh lain bagi mengetuai para ulama Selangor. Siapakah tokoh berkenaan?

J:

Dato' Haji Yusof bin Sahabuddin (Mufti Selangor yang pertama)

S16

Dalam muzakarah kedua iaitu pada 15 Disember 1953, seorang ulama yang mewakili Kerajaan Selangor menuturkan kata-kata sebagai berikut: "Kalau Tuanku yang Maha Mulia membiarkan orang-orang Ahmadiyah di negeri ini, rakyat Selangor akan habis masuk Qadiani dan boleh jadi Tuanku pun masuk Qadiani." Siapakah tokoh berkenaan?

J:

Tuan Haji Ismail-seorang wakil ulama Selangor

S17

Pada tahun 1955, sebuah buku dikarang oleh Maulana Muhammad Shadiq Barkatullah bagi menceritakan muzakarah bersama para ulama Selangor dihadapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan menjawab segala tuduhan ke atas Jemaat Ahmadiyah. Apakah tajuk buku itu?

J:

Penerangan Ahmadiyah



S18

Tujuan buku Penerangan Ahmadiyah adalah bagi menjawab segala fitnah-fitnah yang dilakukan oleh para ulama di Tanah Melayu melalui beberapa buku. Sebutkan tiga buku utama para ulama tersebut?

J: "Musang Berbulu Ayam", "Perisai Orang Beriman" dan "Al Qadiyaniyah"

SENARAI KANDUNGAN

Kata Pengantar	I
Pengenalan	III
Kata-Kata Aluan	IV
Singkatan Perkataan	V
Janji Khuddamul Ahmadiyah & Atfalul Ahmadiyah	VI
Janji Lajnah Imaillah & Nasiratul Ahmadiyah	VII
1 Allah, Islam dan Al-Quran	2
2 Rasulullah Muhammad ^{saw} dan Sejarah Islam	18
3 Tradisi-Tradisi Suci Rasulullah ^{saw}	42
4 Para Sahabat Rasulullah ^{saw}	48
5 Sejarah Ahmadiyah	54
6 Zaman-zaman	
Khalifatul Masih I ^{rta}	66
Khalifatul Masih II ^{rta}	72
Khalifatul Masih III ^{rta}	82
Khalifatul Masih IV ^{rta}	88
Khalifatul Masih V ^{aba}	96
7 Matahari Islam Terbit di Barat	108
8 Lain-Lain	120
9 Sejarah Ahmadiyah di Malaysia	128



S10

Dalam muzakarah pada 23 Julai 1951, Kebawah Duli Tuanku Sultan Selangor tertarik dengan perbincangan mengenai Khataman Nabiyyin. Kitab apakah yang digunakan oleh Mln Muhammad Shadiq sehingga para ulama terpaksa mengakui dalil-dalil yang dikemukakannya?

J:

Kitab Al Yawaqitu Wal Jawahir karangan Imam Abdul Wahhab Asy-Sya'rani, seorang Imam bermazhab Syafie.

S11

Siapakah ulama yang mengetuai Kerajaan Negeri Selangor dalam muzakarah pada 23 Julai 1951 di hadapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor?

J:

Syaikhul Islam Tengku Mahmud Zuhdi al Fatani

S12

Dalam pertemuan pertama pada 23 Julai 1951, pihak para ulama tidak dapat membantah dalil-dalil yang dikemukakan oleh Mln Muhammad Shadiq dan menolak penetapan tarikh muzakarah kedua. Sebaliknya Syaikhul Islam Mahmud Zohdi meminta Jemaat Ahmadiyah menjawab 5 persoalan secara bertulis. Apakah ke 5 persoalan tersebut?

J:

1. Apakah kepercayaan dan I'tiqad Ahmadiyah itu?
2. Apakah perbedaan antara Jemaat Ahmadiyah dengan yang lainnya?
3. Apakah dakwaan Hazrat Ahmad 'alaihis salam?
4. Apakah mukjizat beliau?
5. Mengapa jangka hayat hidup beliau singkat?
 - Soalan-soalan tersebut memperlihatkan para ulama tidak mengetahui mengenai riwayat hidup pendiri Jemaat Ahmadiyah kerana mereka hanya membaca buku-buku musuh-musuh Jemaat Ahmadiyah sahaja. Bukti nyata beliau memiliki umur yang panjang kerana wahyu yang pertama diterima ketika berumur 41 tahun dan wafat semasa berumur 73 tahun.

S13

Sebelum 6 Ogos 1951, pihak Jemaat Ahmadiyah telah mengirimkan semua jawapan secara bertulis yang diminta oleh Syaikhul-Islam Mahmud Zohdi. Berapa harakah yang diminta oleh Jemaat Ahmadiyah agar pihak ulama Selangor menjawab kenyataan balasan yang telah diberikan?

J:

14 hari.

S5

Dimanakah Pusat Jemaat Ahmadiyah yang pertama di Tanah Melayu dibuka pada tahun 1949 ?

J:

Jeram

S6

Siapakah Presiden, Setiausaha dan Bendahari pertama Jemaat Ahmadiyah semasa di Jeram.

J:

Presiden - Syed Abdul Rahman, Setiausaha-Ismail Karsah dan Bendahari-Talib Sulong

S7

Pada 22 Disember 1949, seorang Mubaligh telah tiba di Singapura dan ditugaskan menggantikan sementara Maulana Ghulam Hussain Iyaz yang kembali ke Pakistan. Siapakah tokoh berkenaan?

J:

Maulana Muhammad Shadiq bin Barkatullah

S8.

Pada tahun 1950, para ulama di Tanah Melayu mengarang buku berjudul "Utusan Murtad" dan buku ini dijawab oleh Maulana Muhammad Shadiq Barkatullah. Apakah nama buku yang dikeluarkan tersebut?

J:

Kebenaran

S9.

Pada 23 Julai 1951, atas kemurahan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah memperkenankan diadakan muzakarah di antara Jemaat Ahmadiyah dengan para ulama yang dipimpin oleh Baginda. Siapakah dua wakil pihak Jemaat Ahmadiyah yang bermuzakarah pada hari itu?

J:

Mln Muhammad Shadiq bin Barkatullah dan Mln Muhammad Zuhdi Fadhli



ALLAH, ISLAM DAN AL-QUR'AN



S1

Sebutkan nama Zat Tuhan dan maksudnya ?

J:

Nama Zat Tuhan ialah Allah Yang Maha Besar dan memiliki segala sifat kesempurnaan dan tiada langsung kekurangan. Allah adalah nama yang sempurna dan tidak pernah digunakan untuk merujuk kepada sebarang benda atau kehidupan lain.

S2

Berapakah sifat-sifat Allah^{swt} yang dinyatakan di dalam Al-Qur'an?

J:

Kitab suci Al-Qur'an menggambarkan/menyebut 104 sifat Allah. Contohnya, Ar-Rahman, Ar-Rahim, Al-Hayy, Al-Qayyum dan sebagainya.

S3

Berikan bukti kewujudan Allah^{swt} daripada Al-Qur'an.

J:

Kemenangan Allah^{swt} dan para utusanNya ke atas mereka yang menolaknya: (Allah memenangkan para utusanNya ke atas musuh-musuh mereka dan dunia diberi khabar suka tentang kemenangan ini tatkala ianya tampak mustahil akan dicapai).

حَكَمَ اللَّهُ كَعْلَبَنَّ أَنَا وَرُسُلِيٌّ

"Allah telah menetapkan 'Aku dan Rasul-RasulKu amat pasti akan menang.' "(Surah Al-Mujadalah 58:22)

S4

Apakah maksud perkataan Islam?

J:

Islam berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud kedamaian dan ketauatan. Agama ini dinamakan Islam kerana ia menjanjikan kedamaian dan memerlukan pengikutnya taat kepada apa juar perintah atau ketentuan Allah^{swt}.

S5

Sebutkan 5 rukun Islam.

J:

1. Mengucap dua kalimah syahadah
2. Solat
3. Zakat
4. Puasa di bulan Ramadhan
5. Menunaikan haji di Mekah

S6

Apakah kalimah syahadah?

J:

Ia adalah asas pegangan Islam

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ

"Laa ilaaha illallaahu Muhammadr Rasuulullah"

Tiada Tuhan selain Allah, Muhammad^{saw} adalah utusan Allah.

S7

Sebutkan rukun Iman.

J:

- ◆ Percaya kepada Allah
- ◆ Percaya kepada malaikat
- ◆ Percaya kepada kitab-kitab
- ◆ Percaya kepada Rasul-Rasul
- ◆ Percaya kepada Hari Kiamat
- ◆ Percaya kepada takdir (Qada' dan Qadar)

S8

Berapakah jumlah surah, ayat, ruku' dan perkataan di dalam Al-Qur'an?

J:

Ada 114 surah, 6.348 ayat, 558 ruku' dan 86.430 perkataan.

* Terdapat perbezaan pendapat mengenai jumlah ayat dan perkataan di dalam Al Quran. Alasannya adalah kerana ada yang mengira Bismillah sebagai satu ayat di setiap permulaan Surah (kecuali Surah At-Taubah) di dalam Al-Quran, sementara yang lain menolak pandangan itu. Walaupun berbeza pendapat tetapi mereka bersetuju bahawa Al-Quran bermula dengan Bismillah dan berakhir dengan Surah An-Nas sepetimana yang disampaikan oleh Rasulullah^{saw}.



SEJARAH JEMAAT AHMADIYAH MALAYSIA




S1

Siapakah pemuda Ahmadi dari Punjab, India yang pertama sampai ke Tanah Melayu dan berkhidmat sebagai anggota Polis pada tahun 1906?

J:

Sher Muhammad



S2

Siapakah anak kepada Sher Muhammad yang menerima pingat "Medal on the British Empire" daripada Queen Elizabeth II kerana peranan dan keberaniannya dalam "Special Branch" menentang Komunis semasa Darurat.

J:


Mobarak Ahmad

S3

Superintendent Tuan Mubarok Ahmad telah berkhidmat sebagai Pegawai Pengiring (ADC) kepada Yang Dipertuan Agong. Berapa Yang Dipertuan Agong yang dikhidmatinya di sepanjang karier beliau?

J:


Empat



S4

Mubaligh pertama yang diperintahkan ke Tanah Melayu dan Singapura telah tiba pada tahun 1935. Siapakah tokoh tersebut?

J: Maulana Ghulam Husain Iyazul-Fadhl



JEMAAT AHMADIYAH MALAYSIA

S9

Nyatakan secara ringkas bagaimana Al-Qur'an disusun.

J:

Nabi Muhammad^{saw} biasanya akan menyebut semula sejurus selepas menerima wahu dan ucapan Baginda^{saw} dicatatkan dan ramai para sahabat^{ra} yang memiliki kemampuan menghafal wahyu-wahyu yang dibacakan oleh Rasulullah^{saw}. Pada zaman Khalifah Hazrat Abu Bakar^{ra}, Hazrat Zaid bin Tsabit^{ra} telah diarahkan untuk mengumpulkan bahagian-bahagian bertulis Al-Qur'an dan disusun dalam bentuk buku. Manakala pada zaman khalifah Hazrat Uthman^{ra} telah mengarahkan agar Al Quran diberi tanda bacaan bagi menyeragamkan sebutan dan teks Al Quran tersebut diperbanyakkan dan disebarluaskan ke seluruh empayar Islam.

S10

Apakah janji Allah^{swt} tentang perlindungan dan pemeliharaan Al-Qur'an?

J:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْكِتَابَ رَأَى كَوْكَبَ الْقَرْآنِ

Sesungguhnya, Kamilah yang telah menurunkan peringatan ini dan sesungguhnya Kamilah yang memeliharanya". (Surah Al-Hijr 15:10)

S11

Namakan 2 surah pertama dan 2 surah terakhir di dalam Al-Qur'an.

J:

Dua surah pertama di dalam Al-Qur'an ialah Al-Fatihah dan Al-Baqarah, manakala dua surah terakhir ialah Al-Falaq dan An-Nas.

S12

Apakah surah terpanjang dan surah terpendek di dalam Al-Qur'an?

J:

Surah terpanjang ialah Al-Baqarah manakala surah terpendek ialah Al-Kautsar.

S13

Wahyu pertama di dalam Al-Qur'an adalah?

J:

أَقْرَأْنَا بِسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

"Bacalah dengan nama Tuhan engkau yang telah menciptakan." (Surah Al-'Alaq 96:2)

S14

Apakah perintah pertama menurut susunan ayat di dalam Al-Qur'an?

J:

يَا يَهُا النَّاسُ أَعْبُدُ وَأَرْبَحُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ
وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

"Hai manusia! Sembahlah Tuhanmu yang telah menjadikan kamu dan juga orang-orang yang sebelum kamu, supaya kamu terpelihara."
(Surah Al-Baqarah 2:22)

S15

Nyatakan kumpulan manusia yang telah disebut dalam 17 ayat pertama surah Al-Baqarah.

J:

Ada 3 kumpulan manusia yang disebut:

1. Beriman
2. Kafir
3. Munafik

S16

Di dalam surah mana pada Al-Qur'an yang tidak dimulakan dengan "Bismillah"? Jelaskan mengapa.

J:

Surah 9 iaitu surah At-Taubah yang tidak dimulakan dengan "Bismillah". Ini adalah kerana ia adalah sebahagian daripada surah Al-Anfal.

S17


Di dalam surah manakah pada Al-Quran, yang mana "Bismillah" disebut dua kali?

J:

Surah 27 (An-Naml), di mana ianya disebut di awal surah dan kemudian pada ayat 31.

S29

Perjalanan manakah yang dilalui oleh Hazrat Isa^{as} selepas melepaskan diri dari hukuman di atas salib?



J: Dari Jerusalem, melalui Syria, Iran, Afghanistan dan akhirnya sampai di India.

S25

Apakah maksud sebenar perkataan ‘Dajjal’, dan terangkan kepentingan kaitannya dengan Hari Kemudian / Kiamat?

J:

Maksud sebenar perkataan itu ialah ‘penipu besar’. Di dalam istilah Islam, Dajjal adalah merujuk kepada semua kuasa syaitan yang akan dilepaskan di Hari Kemudian untuk memerangi Nabi Isa^{as} Yang Dijanjikan dan Al-Imam Al-Mahdi. Nubuwatan yang serupa di dalam kepercayaan Kristian mengenai kemunculan musuh Isa juga merujuk kepada fenomena yang sama.

S26

Apakah maksud sebenar perkataan ‘Nafs-e-Ammarah’?

J:

Sifat/nafsu dalam diri yang menghasut/menggalakkan ke arah kejahanan/dosa.

S27

Namakan dua buah buku yang mana perkataan “Nafs-e-Ammarah” disebutkan di dalamnya.

J:

Al-Quran dan Filsafat Ajaran Islam

S28

Mengapakah Hazrat Isa^{as} mengembara ke India?

J:

Allah^{swt} telah merancangkan bahawa Hazrat Isa^{as} terlepas daripada kematian di atas salib. Orang-orang Yahudi berhajat membunuh Hazrat Isa^{as} tetapi tidak berjaya dalam melaksanakan niat jahat mereka itu. Hazrat Isa^{as} sendiri telah menyatakan bahawa beliau tidaklah diutus melainkan hanya kepada domba-domba Israel yang hilang (Matt 15:24) dan kemudiannya beliau pergi mengembara untuk mencari mereka yang bertebaran terutamanya di Afghanistan dan India Utara. Di sana beliau memberikan ajaran kepada mereka dan wafat pada umur 120 tahun serta dikebumikan di Kashmir, India.

S18

Mengapa “Bismillah” disebut 2 kali dalam surah Al-Naml?

J:

“Bismillah” pertama dapat dilihat di awal surah dan “Bismillah” yang kedua dilihat di permulaan surat yang telah ditulis oleh Hazrat Sulaiman^{as} kepada Permaisuri Sheba yang disebut di dalam surah itu sendiri.

S19

Senaraikan 3 doa dari Al-Qur'an.

J:

رَبَّنَا أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَثِيثَ أَقْدَامَنَا وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكُفَّارِينَ

- ♦ “Ya Tuhan kami, curahkanlah ketabahan ke atas diri kami dan teguhkanlah langkah-langkah kami, dan tolonglah kami terhadap orang-orang kafir.”
(Surah Al-Baqarah 2:251)

رَبِّنَا ذُرْنِي عِلْمًا

- ♦ “Ya Tuhan kami, limpahkanlah kepadaku tambahan ilmu pengetahuan.”
(Surah Thaha 20:115)

رَبَّنَا اتَّنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَاعَذَّا بِالثَّارِ

- ♦ “Ya Tuhan kami, berilah kami segala kebaikan di dunia dan segala kebaikan di akhirat dan selamatkanlah kami daripada seksaan api neraka.”
(Surah Al-Baqarah 2:202)

S20

Berapa kali nama Nabi Muhammad^{saw} disebut di dalam Al-Qur'an? Senaraikan surah-surah dimana ianya disebut.

J:

4 kali.

وَمَّا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ هَ قَدْ خَلَقْتَ مِنْ
قَبْلِهِ الرُّسُلُ هَ أَفَأَئِنَّ مَاتَ أَوْ قُتِيلَ
أَنْقَلَبْتُمْ عَلَىْ أَعْقَابِكُمْ هَ وَمَنْ يَنْقُلِبْ
عَلَىْ عَقَبَيْهِ فَلَنْ يَضْرِبَ اللَّهَ شَيْئًا هَ
سَيْجِرِيَ اللَّهُ الشَّكِيرِينَ هَ

♦ “Dan **Muhammad** tidak lain melainkan seorang Rasul. Sesungguhnya telah berlalu Rasul-Rasul sebelumnya. Jadi jika dia mati atau terbunuh, akan berpalingkah kamu dari tumitmu? Dan barangsiapa berpaling atas tumitnya, maka ia tidak akan memudarangkan Allah sedikit juga pun. Dan Allah pasti akan memberi ganjaran kepada orang-orang yang bersyukur.”

(Surah Al-Imran 3:145)

كَمَا كَانَ مُحَمَّدًا أَبَيَا أَحَدٍ مِّنْ رِجَالِكُمْ وَلَعِنَ رَسُولَ
اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّنَ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلَيْهِمَا^{۱۷}

♦ “Muhammad bukanlah bapa kepada salah seorang di antara kaum laki-lakimu, akan tetapi dia adalah Rasul Allah dan memeterai sekalian Nabi dan Allah itu Maha Mengetahui segala sesuatu.” (Surah Al-Ahzab 33:41)

وَالَّذِينَ أَمْنَوْا وَعَمِلُوا الصَّلِيفَتِ وَأَمْنَوْا يَمَانَزَلَ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَهُوَ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ ۝ كَفَرَ عَنْهُمْ
سَيِّئَاتِهِمْ وَأَضْلَلَهُمْ بِالْهُمَّ^{۱۸}

♦ “Tetapi akan ada hal orang-orang yang beriman dan beramal saleh dan beriman kepada apa yang telah diturunkan kepada **Muhammad** dan itu adalah kebenaran dari Tuhan mereka – Dia menghapuskan dari mereka dosa-dosa mereka dan memperbaiki keadaan mereka.”

(Surah Muhammad 47:3)

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ

♦ “**Muhammad** adalah Rasul Allah.” (Surah Al-Fath 48:30)

S21

Senaraikan ayat-ayat di dalam Al-Qur'an di mana Nabi Muhammad^{saw} disebut sebagai Khataman Nabiyyin (Meterai sekalian Nabi) dan Rahmatul Lil 'Alamin (Rahmat bagi seluruh alam).

J:

1. مَا كَانَ مُحَمَّدًا أَبَيَا أَحَدٍ مِّنْ رِجَالِكُمْ وَلَعِنَ رَسُولَ
اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّنَ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلَيْهِمَا^{۱۹}

S18

Siapakah Muballigh pertama yang dihantar ke Ghana. Bilakah beliau tiba di Ghana?

J: Hazrat Maulana 'Abdur Rahim Nayyar^{ra} yang telah tiba di Ghana pada tahun 1921.

S19

Mengikut catatan sejarah, siapakah orang Inggeris yang pertama menjadi seorang Muslim?

J:

John Nelson, yang mana telah menerima ajaran Islam di dalam abad ke-16.

S20

Apakah nama perlawanan kriket tahunan Majlis Khuddamul Ahmadiyah?

J:

Perlawanan Kriket Nasir.

S21

Apakah nama bendera yang dianugerahkan kepada Qiadat teratas setiap tahun di dalam Majlis Khuddamul Ahmadiyah?

J: 'Alam-i-in-ami.

S22

Apakah maksud sebenar perkataan 'Taqwa'?

J: Benar.

S23

Apakah maksud sebenar perkataan 'Muttaqi'?

J: Orang yang benar.

S24

Apakah maksud sebenar perkataan 'Kufr'?

J: Tidak mempercayai/ingkar.

S14

Namakan beberapa pencapaian cemerlang Hazrat Chaudhary Muhammad Zafrulla Khan^{ra}.

J:

- Pada Disember 1947, beliau telah mewakili Pakistan di dalam Perhimpunan Am Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai ketua delegasi Pakistan dan menganjurkan pendirian Muslim sedunia mengenai isu rakyat Palestin.
- Beliau telah dilantik oleh Qa'id-e-A'zam Muhammad Ali Jinah sebagai Menteri Luar pertama Pakistan, satu jawatan di mana beliau memegangnya dari tahun 1947 sehingga 1954.
- Dari tahun 1962 hingga 1963, beliau menjadi Presiden Perhimpunan Am Bangsa-Bangsa Bersatu.
- Beliau telah menterjemahkan Al-Quran suci ke dalam bahasa English dalam tahun 1970.
- Dalam tahun 1970, beliau telah dipilih sebagai Presiden Mahkamah Keadilan Antarabangsa di Hague, jawatan yang dipegang sehingga tahun 1973.

S15

Bilakah (Hazrat) Chaudhary Muhammad Zafrulla Khan^{ra} meninggal dunia?

J:

Beliau telah meninggal dunia pada 1hb September 1985.

S16

Bilakah Professor Abdus 'Salam dianugerahkan Hadiah Nobel?

J: Dalam tahun 1979.

S17

Terangkan secara ringkas apakah kajian Professor Abdus 'Salam yang membuatkan beliau memenangi Hadiah Nobel.

J:

Kajian beliau adalah di dalam bidang Fizik mengenai "Teori percantuman dua kuasa utama alam"



10 December 1979. Salam receives the Nobel Prize from King Carl XVI Gustav of Sweden.

“Muhammad bukanlah bapa kepada salah seorang di antara kaum lelakimu, akan tetapi dia adalah Rasul Allah dan memeterai sekalian nabi dan Allah itu Maha Mengetahui segala sesuatu.”

(Surah Al-Ahzab 33:41)

2.

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ رَبِّ رَحْمَةً لِّتُخْلِمَنَّ

“Dan tidaklah kami mengutus engkau melainkan sebagai **Rahmat bagi seluruh alam.**”

(Surah Al-Anbiya 21:108)

S22

Surah-surah manakah di dalam Al-Quran yang dinamakan sempena nama Nabi-Nabi Allah?

J:

Berikut adalah 7 surah yang dinamakan dengan nama Nabi-Nabi Allah:

- Surah 10 – Yunus
- Surah 11 – Hud
- Surah 12 – Yusuf
- Surah 14 – Ibrahim
- Surah 31 – Luqman
- Surah 47 – Muhammad
- Surah 71 – Nuh

S23

Namakan para Nabi yang telah disebutkan dalam Al-Qur'an.

J:

Nama para Nabi yang disebut di dalam Al-Quran adalah:

- Nabi Adam a.s.
- Nabi Idris a.s.
- Nabi Nuh a.s.
- Nabi Hud a.s.
- Nabi Saleh a.s.
- Nabi Ibrahim a.s.
- Nabi Luth a.s.
- Nabi Ismail a.s.

Nabi Ishaq a.s.
Nabi Ya'qub a.s.
Nabi Yusuf a.s.
Nabi Ayub a.s.
Nabi Zulkifli a.s.
Nabi Syu'aib a.s.
Nabi Musa a.s.
Nabi Harun a.s.
Nabi Daud a.s.

Nabi Sulaiman a.s.
Nabi Ilyas a.s.
Nabi Ilyasa a.s.
Nabi Yunus a.s.
Nabi Zakaria a.s.
Nabi Yahya a.s.
Nabi Isa a.s.
Nabi Muhammad SAW

S24

Apakah yang anda faham akan “*Lailatul Qadr*” (malam yang diberkati)?

J:

“*Lailatul Qadr*” (malam yang diberkati/takdir/kuasa/kemuliaan) adalah malam yang penuh berkat di mana wahyu-wahyu (peredahan) Al-Qur'an bermula. Ia adalah malam khusus untuk penjelasan kuasa-kuasa Tuhan. Keunggulannya telah diterangkan di dalam Al-Qur'an seperti berikut:

كَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ

“Malam takdir itu lebih baik daripada seribu bulan.” (Surah Al-Qadr 97:4)

Nabi Muhammad^{saw} telah memerintahkan kita supaya mencari malam istimewa ini di sepuluh malam terakhir pada bulan Ramadhan. Pada malam itu, Allah^{swt} berada dekat dengan hamba-hambanya dan mendengar doa-doa mereka. Menurut Hazrat Mau'ud^{as}, masa munculnya Muslih Mau'ud juga dipanggil Lailatul Qadr.

S25

Selama berapa tahun Al-Qur'an disempurnakan keseluruhannya?

J:

Lebih kurang 23 tahun.

S26

Namakan beberapa buah-buahan yang disebut di dalam Al-Qur'an.

J:

Buah delima, anggur, buah ara (fig), zaitun, pisang, kurma

S11

Namakan beberapa projek tetap “Humanity First”.

J:

'Water for Life, Gift of Sight, Famine Relief, I.T. Training, Feed a Family, Sewing Skills, Educational Scholarships, Orphan Care.'

S12

Terangkan tujuan utama “Humanity First”

J:


Untuk menyediakan bantuan kepada sesiapa yang amat memerlukan.

S13

Apakah visi Hazrat Khalifatul Masih IV^{ta} terhadap “Humanity First”?

J:

Bahawa suatu hari nanti “Humanity First” akan dapat menandingi kerja-kerja kemanusiaan/amal “The Red Cross”.



S6

Bila dan di manakah Bai'at antarabangsa pertama kali diadakan dan berapa ramai yang mengambil bahagian? Berapa banyak negara yang mewakili acara ini?

J:

Pada 31hb Julai 1993, hari kedua Jalsah Salanah UK, di mana seramai 204,308 orang dari 84 buah negara telah mengambil bahagian dalam acara Bai'at (bergabung masuk ke dalam Jemaat Ahmadiyah) melalui puncaran satelit sedunia. Seluruh anggota Jemaat juga telah memperbaharui perjanjian kesetiaan. Peristiwa seperti ini belum pernah terjadi di dalam sejarah dunia.

S7

Bilakah puncaran MTA secara tetap dimulakan?

J:

7hb Januari 1994.



S8

Siapakah Ahmadi yang pertama pernah menjadi Presiden kepada Perhimpunan Am Bangsa-Bangsa Bersatu dan kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa di Hague?

J:

Hazrat Chaudhary Muhammad Zafrulla Khan^{ra}. Dalam tahun 1962/63 beliau telah menjadi Presiden Perhimpunan Am Bangsa-Bangsa Bersatu dan sehingga 1972/73 beliau telah menjadi Presiden Mahkamah Keadilan Antarabangsa di Hague.



S9

Siapakah pengasas "Humanity First"?

J:

Hazrat Khalifatul Masih IV^{rta}.

S10

Siapakah pengurus pertama "Humanity First"?

J:

Ahmad Yahya Sayed.

S27

Namakan binatang berkaki empat yang disebut di dalam Al-Qur'an.

J:

Unta, biri-biri, kambing, lembu, anjing, keldai, khinzir, kucing, kuda, monyet, serigala, gajah, singa.

S28

Namakan beberapa kaum yang dihancurkan yang telah disebutkan di dalam Al-Qur'an.

J:

1. Kaum Nuh (tinggal di Armenia)
2. Kaum Tsamud (kaum Nabi Saleh^{as})
3. Kaum Hibr (sebahagian dari kaum Tsamud)
4. Kaum Ad (kaum Nabi Hud^{as})
5. Kaum Lut (Nabi Lut^{as})
6. Kaum Fir'aun (mereka menganiaya Hazrat Musa^{as} dan Bani Israil)
7. Ashabul-Fil, iaitu Kaum Gajah (kaum Yemen di bawah pemerintah Abraha Ashram untuk menghancurkan Ka'abah di Mekah)

S29

Namakan seorang pentafsir termasyur Al-Qur'an pada masa lampau.

J:

Imam Muhammad Fakhruddin Razi^{rta} (Lahir pada 359 Hijrah; Wafat pada 404 Hijrah), pengarang buku Tafsir Kabir.

⇒ *Tahun Hijrah dihitung selepas Nabi Muhammad^{saw} berhijrah dari Mekah ke Madinah.*

S30

Apakah yang dimaksudkan seorang Nabi?

J:

Nabi adalah seseorang yang telah dilantik oleh Allah^{swt} untuk pembaharuan dan sebagai petunjuk kepada manusia tentang kewajipan mempercayai Allah^{swt}.

S31

Siapakah yang dimaksud Malaikat-Malaikat Allah^{swt} ?

J:

Malaikat adalah kuasa ghaib yang patuh kepada perintah Allah^{swt}. Masing-masing telah diberi pelbagai tugas oleh Allah^{swt}.

S32

Namakan 4 malaikat utama Allah^{swt}.

J:

- ◆ Jibrail^{as}
- ◆ Mikail^{as}
- ◆ Israfil^{as}
- ◆ Izrail^{as}

S33

Apakah itu dosa?

J:

Dosa itu adalah sesuatu perbuatan yang mengingkari perintah Allah^{swt}. Pengetahuan tentang maksud “baik” dan “buruk” dan “niat untuk melakukannya” harus dipertimbangkan sebelum sesuatu perbuatan di ambil kira sebagai dosa.

S34

Bilakah waktu tertentu yang solat tidak boleh dilakukan?

J:

- ◆ Waktu terbit matahari
- ◆ Waktu matahari tegak
- ◆ Selepas waktu solat Asar hingga matahari terbenam
- ◆ Ketika matahari sedang terbenam.

S35

Orang yang memimpin solat Jemaah disebut sebagai?

J:

Imam

S36

Apakah solat-solat yang harus dilakukan secara berjemaah?

J:

- Solat fardu (lima waktu)
- Solat Jumaat
- Solat Eid
- Solat Terawih
- Solat Jenazah



LAIN-LAIN



S1

Organisasi antarabangsa manakah yang mengisyiharkan bahawa Ordinan Anti-Ahmadi adalah berlawanan dengan Hak Asasi Manusia, dan bilakah pengisyiharan ini berlaku?

J:

Bangsa-Bangsa Bersatu, pada 29hb April 1986.

S2

Bilakah ‘Al-Fazl International’ dimulakan?

J:

Pada 30hb Julai 1993 di Jalsah Salanah UK, edisi terhad ‘Al-Fazl International’ mingguan telah diterbitkan. Rashid Ahmad Chaudhary adalah editornya yang pertama.

S3

Bilakah penerbitan secara tetap ‘Al-Fazl International’ dimulakan?

J:

Pada 7hb Januari 1994.

S4

Bilakah ketua parlimen dan bekas Perdana Menteri Pakistan, Zulfiqar ‘Ali Bhutto, dihukum gantung sampai mati?

J:

Beliau yang telah mengisyiharkan Ahmadi sebagai bukan Muslim pada tahun 1974 telah dihukum gantung sampai mati pada 4hb April 1979 di Pusat Penjara Rawalpindi, Pakistan.

S5

Namakan 4 buah Masjid yang telah dibina dengan menggunakan dana yang dikumpulkan dari kaum wanita Ahmadi?

J:

Masjid Fadl – London, UK; Masjid Mubarak – The Hague, Holland; Masjid Nusrat-Jehan – Copenhagan, Denmark; Masjid Khadijah — Berlin, Jerman Timur



Sir Zafrulla Khan




Sir Zafrulla Khan bersama Raja Arab Saudi, Raja Faisal




Sir Zafrulla Khan bersama Presiden USA, J.F. Kennedy



Sir Zafrulla Khan bersama Raja Jordan, Raja Hussein



Prof. Dr. Abdus Salam
Pemenang
Hadiah Nobel (Fizik)



- Solatul Kusuf dan Khusuf (waktu gerhana bulan dan matahari)
- Solatul Istisqa (Solat untuk minta hujan)

S37

Siapakah Muazzin (bilal)?

J:

Orang yang melaungkan azan.

S38

Apakah bacaan tambahan dalam azan Subuh dan apakah maksudnya?

J:

Setelah membaca "Hayya 'alal falah", bilal akan membaca (2 kali) "Asshalaatu khairum minan nauum" yang bermaksud "Solat itu lebih baik dari tidur."

الصلوة خير من النوم

S39

Apakah yang harus dilakukan apabila tiada air untuk berwuduk?

J:

Tayammum harus dilakukan.

S40

Bagaimana tayammum dilakukan?

J:

Jika tersedia permukaan berdebu atau keras yang bersih, letakkan kedua tapak tangan di atasnya, terus sapukan ke wajah seperti yang diarahkan dan kemudian sapukan belakang kedua tapak tangan (seolah-oleh kita membasuhnya).

S41

Orang Islam bersolat menghadap ke mana?

J:

Ka'bah di Mekah.



S42

Apa itu Haji?

J:

Ia adalah perjalanan ke tempat suci Mekah pada waktu yang telah ditetapkan dan dilakukan paling kurang sekali seumur hidup, jika sihat tubuh badan dan berkemampuan dari segi kewangan serta selamat perjalanan ke Mekah.

S43

Apakah Ka'abah?

J:

Ka'abah ialah rumah ibadah pertama yang pernah didirikan di dunia. Menurut Al-Qur'an, ia telah didirikan semula oleh Nabi Ibrahim^{as} dan anak beliau iaitu Nabi Ismail^{as}.

S44

Apakah itu "zam-zam"?

J:

Ia adalah mata air yang terletak berhampiran Ka'abah. Ini merupakan tempat di mana air telah keluar dari bawah tapak kaki Nabi Ismail^{as} ketika masih kecil. Beliau ditinggalkan bersama ibunda beliau, Hazrat Hajrah, oleh ayahanda beliau Nabi Ibrahim^{as} di atas perintah Allah^{swt}.

S45

Sebutkan 2 Nubuwatan di dalam Al-Qur'an yang telah sempurna?

J:

- Surah 10 ayat 91-93 merujuk pada jasad Fir'aun yang diawetkan sebagai tauladan generasi hadapan. Jasadnya ditemui pada 1909 memenuhi nubuwatan itu.
- Surah 55 ayat 20-25 menubuwatkan bahawa dua lautan, dimana mutiara dan koral ditemui, akan dihubungkan & kapal-kapal besar akan melaluinya. Nubuwatan ini terpenuhi dengan pembinaan terusan Suez & Panama.

S46

Dalam surah manakah nama sahabat Nabi Muhammad^{saw} disebut di dalam Al-Qur'an?

J:

Surah Al-Ahzab (33:38) di mana nama Hazrat Zaid^{ra} disebutkan.

Dan, nafkahkanlah dari apa yang telah Kami rezekikan kepadamu sebelum datang maut kepada salah seorang dari kamu, lalu dia berkata'

« Ya Tuhanku, mengapa Engkau tidak memberi tempoh kepadaku, sehingga waktunya dekat,, supaya aku bersedekah dan termasuk orang-orang yang saleh. »

*Dan Allah tidak akan memberi tempoh kepadanya,
apabila telah sampai ajalnya.*

*Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.
(Surah Al-Munafiqun : 11-12)*

S44

Semasa kunjungan ke UK pada 2004, Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} telah meletakkan batu-batu asas pada Masjid Al Mahdi dan Masjid Nasir. Di bandar manakah masjid-masjid ini terletak?

J:

Masjid Al Mahdi terletak di Bradford dan Masjid Nasir di Hartlepool.

S45

Berapakah kos tapak 208 ekar yang dibeli oleh Jemaat UK pada tahun 2005 bagi menampung Jalsah Salanah di UK untuk masa hadapan, di manakah tempat ini dan apakah namanya?

J:

“Hadeeqa-tul-Mahdi” bertempat di Alton, Hampshire dan kosnya adalah £2.5 juta.

S46

Bilakah Masjid Nasir di Hartlepool dirasmikan dan siapakah yang merasmikannya?

J:

Hari Jumaat, 11hb November 2005 oleh Hazrat Khalifatul Masih V^{aba}.

S47

Pada khutbah Jumaat yang pertama disampaikan dari Masjid Nasir, Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} telah menyebutkan dua nama Ahmadi Muslim yang mana beliau memberitahu akan menjadi ‘terkenal di dalam sejarah Jemaat di Hartlepool’. Siapakah kedua Ahmadi Muslim yang dimaksudkan oleh ‘Huzur’^{aba} itu?

J:

Dr. Hamid Ahmad Khan dan isterinya, Pn. Sajida Hamid.

S48

Bilakah Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} tiba di London dari lawatan bersejarah beliau ke Mauritius dan India yang bermula pada Disember 2005 itu?

J:

Hari Selasa, 17hb Januari 2006.

S47

Al-Qur'an telah diturunkan dalam bahasa apa?

J:

Bahasa Arab.

S48

Apakah maksud “Alif lam-Mim” pada permulaan Surah Al-Baqarah?

J:

Ini merupakan kata pendek dari “Annallahu a’lamu” yang bermaksud “Aku Allah, Yang Maha Mengetahui.”

S49

Apakah ke-empat sifat Allah^{swt} yang disebut dalam surah Al-Fatiyah?

J:

Maha Pemurah, Maha Pengasih, Pemilik Sekalian Alam dan Pemilik Hari Pembalasan.

S50

Di dalam surah dan ayat mana di dalam Al-Qur'an yang ditujukan untuk tayammum (simbol wuduk)?

J:

Surah An-Nisa' (4:44) dan surah Al-Maidah (5:7).

S51

Di surah mana dalam Al-Qur'an yang mengandungi nubuat tentang kejatuhan empayar Rom?

J:

Surah Ar-Rum (surah 30).

S52

Di dalam Al-Qur'an, di surah manakah nama Allah disebut berulang kali dan berapa kali ia terjadi?

J:

Nama Allah disebut 41 kali dalam surah Al-Mujadalah (surah 58).

S53

Berapakah jumlah tempat Sajdah Tilawat (Sujud semasa membaca Al-Qur'an)?

J:

14 (berbeza mengikut sekolah pemikiran).

S54

Di surah manakah dalam Al-Qur'an yang menubuatkan tentang perang-perang dunia?

J:

Surah Al-Kahf (18:48).

S55

Di surah manakah dalam Al-Qur'an yang menubuatkan tentang bom nuklear?

J:

Surah Ad-Dukhan (44:11-12).

S56

Di surah manakah dalam Al-Qur'an yang menubuatkan tentang pengawetan jasad Fir'aun, Ramses II?

J:

Surah Yunus (10:91-93).

S57

Di surah manakah dalam Al-Qur'an yang menubuatkan tentang terusan Suez/Panama?

J:

Surah Ar-Rahman (55:20-25).

S58

Apakah maksud perkataan Al-Qur'an?

J:

ia adalah sesuatu yang selalu dibaca.

S38

Bilakah Masjid Baitul Futuh dirasmikan?

J:

Masjid Baitul Futuh telah dirasmikan pada 3hb Oktober 2003 oleh Hazrat Mirza Masroor Ahmad, Khalifatul Masih V^{aba}.

S39

Apakah nama Masjid Ahmadiyah di Birmingham?

J:

Darul Barakat.

S40

Berapakah harga belian tapak Masjid Darul Barakat di Birmingham?

J:

£200.

S41

Bilakah Masjid Darul Barakat (Birmingham) dirasmikan, dan siapa yang merasmikannya?

J:

Masjid Darul Barakat Birmingham telah dirasmikan pada hari Jumaat 1hb Oktober 2004 oleh Hazrat Mirza Masroor Ahmad, Khalifatul Masih V^{aba}.

S42

Pada kunjungan ke UK pada tahun 2004, Hazrat Mirza Masroor Ahmad, Khalifatul Masih V^{aba} telah melawat beberapa tempat di UK. Senaraikan nama-nama tempat yang telah dikunjungi oleh Huzur^{aba}.

J:

Birmingham, Scunthorpe, Bradford, Hartlepool, Ilkley, Huddersfiled, Glasgow, Manchester.

S43

Apakah nama Masjid pertama di UK di mana batu asasnya telah diletakkan oleh Hazrat Mirza Masroor Ahmad, Khalifatul Masih V^{aba}?

J:

Masjid Al-Mahdi.

S36

Senaraikan nama Umara' (Amir) Jemaat Ahmadiyya UK semenjak ketibaan Hazrat Khalifatul Masih IV^{rta} di London pada 1984.

J:

Maulana Ata'ul Mujeeb Rashed
Chaudhary Anwar Ahmad Kahlon
Aftab Ahmad Khan
Dr Vali Ahmad Shah
Dr Iftikhar Ahmad Ayaz
Rafiq Ahmad Hayat

S37

Siapakah yang meletakkan batu asas Masjid Baitul Futuh? (Gambar di bawah)



J:

Hazrat Khalifatul Masih IV^{rta}.

S59

Siapakah yang pertama menghafal Al-Qur'an?

J:

Muhammad Rasulullah^{saw}.

S60

Malaikat manakah yang menyampaikan kitab suci Al-Qur'an kepada Rasulullah^{saw}?

J:

Hazrat Jibrail^{as}.

S61

Senaraikan 5 surah terakhir yang mengikut urutan dalam Al-Qur'an.

J:

An-Nasr, Al-Lahab, Al-Ikhlas, Al-Falaq dan An-Nas.

S62

Namakan 2 surah dalam Al-Qur'an yang menceritakan mengenai kelahiran Nabi Isa^{as}?

J:

Surah Ali Imran (surah 3) dan surah Maryam (surah 19).





S30

Siapakah yang telah menyediakan dana untuk bangunan Mahmud Hall di London?

J:

Hazrat Chaudhary Muhammad Zafrulla Khan^{ra}.

S31

Apakah nama dewan serbaguna yang terbesar di Baitul Futuh?

J:

Tahir Hall (Dewan Tahir).

S32

Siapakah yang paling lama berkhidmat sebagai Imam di Masjid London?

J:

Maulana Ataul Mujeeb Rashed.

S33

Di kolej manakah Hazrat Khalifatul Masih III^{rt'a} belajar ketika di Universiti Oxford?

J: Kolej Balliol

S34

Apakah nama perpustakaan yang dirasmikan oleh Hazrat Mirza Masroor Ahmad, Khalifatul Masih V^{aba} pada hari Ahad 17hb April 2005? Di manakah lokasi perpustakaan tersebut?

J:

Perpustakaan Aftab Khan di Masjid Baitul Futuh, London.

S35

Perpustakaan ini telah dibuka pada tahun 2005 oleh Hazrat Mirza Masroor Ahmad, Khalifatul Masih V^{aba}, telah dinamakan sempena nama seorang tokoh pengkhidmat Ahmadiyah, iaitu?

J:

Aftab Ahmad Khan, bekas Amir Jemaat Ahmadiyah UK, 1986-1996.

S24

Berapa banyakkah Perjumpaan Tahunan (Jalsa Salana) yang telah adakan di UK?

di-

J:

44 (sehingga tahun 2010)

S25

Di manakah Jalsah Salanah pertama kali dilaksanakan di UK?

J:

Masjid Fadl, London.

S26

Apakah nama penerbitan/akhbar Jemaat yang bertempat di Islamabad, Tilford?

J:

Raqueem Press (Penerbitan Rafeeq)

S27

Berapakah urutan tempoh khidmat yang dibenarkan bagi Sadr Majlis Khuddamul Ahmadiyah menurut perlembagaan Jemaat Ahmadiyah?

J:

Tiga. (Harap maklum bahawa tempoh tersebut boleh dilanjutkan oleh Hazrat Khalifatul Masih).

S28

Apakah dia Laiha-e-Amal untuk Khuddamul Ahmadiyah?

J:

Tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab ahli-ahli jawatankuasa Majlis Khuddamul Ahmadiyah.

S29

Apakah nama Masjid Ahmadiyah di ‘Hartlepool’?

J:

Masjid Nasir.



NABI MUHAMMAD^{saw} DAN SEJARAH ISLAM



S1

Dalam tahun 570 Masihi, beberapa bulan sebelum kelahiran Nabi Muhammad^{saw}, Abraha seorang pemimpin Ethiopia di Yemen telah memimpin satu angkatan tentera bergajah untuk menghancurkan Ka'abah. Di surah manakah dalam Al-Qur'an yang menerangkan kegagalan penyerangan itu?

J:

Surah Al-Fil (surah 105).

S2

Bila dan di manakah Nabi Muhammad^{saw} dilahirkan?

J:

Rasulullah^{saw} lahir pada 12 Rabiul Awwal, bersamaan 24hb April 571 Masihi di kota Mekah, Semenanjung Arab.

S3

Siapakah nama ayahanda dan ibunda serta datuk Baginda^{saw}?

J:

Ayahanda Rasulullah^{saw} bernama Hazrat Abdullah dan ibunda beliau bernama Hazrat Aminah. Datuk beliau bernama Hazrat Abdul Mutalib.

S4

Siapakah yang menamakan Rasulullah^{saw} dengan nama “Muhammad”?

J:

Datuk Rasulullah^{saw}, Hazrat Abdul Mutalib.

S5

Apakah maksud “Muhammad”?

J:

Yang terpuji.

S6

Siapakah yang melihat dalam kasyaf bahawa cahaya berkilauan memancar

keluar daripadanya dan menyebar ke seluruh dunia?

J:

Hazrat Aminah, ibunda kepada Nabi Muhammad^{saw}.

S7

Siapakah nama keluarga Nabi Muhammad^{saw} dan gelaran apa yang diberi untuknya oleh orang Mekah?

J:

Nama keluarga Nabi Muhammad^{saw} ialah Abul Qasim. Oleh kerana sifat-sifat luar biasa, beliau digelar “Amin” (yang dipercaya) dan “Siddiq” (yang benar) oleh orang-orang Mekah.

S8

Bilakah ayahanda dan ibunda kepada Rasulullah^{saw} wafat?

J:

Ayahanda Rasulullah^{saw} wafat beberapa bulan sebelum beliau dilahirkan dan ibunda beliau wafat ketika beliau berumur enam tahun.

S9

Siapakah nama ibu susuan Rasulullah^{saw}?

J:

Hazrat Halimah Sa'diyah^{ra} dari Bani Sa'ad.

S10

Bilakah Hazrat Khadijah^{ra} lahir?

J:

Pada 555 Masihi.

S11

Siapakah nama ayahanda Hazrat Khadijah^{ra}?

J:

Khuwailid.

S12

Siapakah nama ibunda Hazrat Khadijah^{ra}?

S18

Berapakah kos asal bangunan Masjid Fadl?

J:

Tanahnya telah dibeli sebanyak £4,000.00 dan bangunannya mengambil masa selama 10 bulan untuk disiapkan pada kos sebanyak £4,000.00 lagi.

S19

Berapakah bilangan Khulafa' yang telah melaksanakan solat di Masjid Fadl?

J:

Empat.

S20

Apakah alamat Masjid Fadl di London?

J:

16 Gressenhall Road, London SW18 5QL.

S21

Di manakah Hazrat Khalifatul Masih IV^{ra} menyampaikan ucapan ulang tahun se-abad, ‘Dedication to Truth’?

J:

Grosvenor House Hotel, UK.

S22

Bila dan di manakah Majlis Khuddamul Ahmadiyah melaksanakan Marathon Amal Jalan Kaki yang pertama?

J:

Dalam tahun 1985 di Islamabad, Tilford.

S23

Apakah nama Masjid Ahmadiyah Muslim di Manchester?

J:

Darul-Aman.

S13

Siapakah yang meletakkan batu asas di Masjid Fadl (London)?

J:

Hazrat Khalifatul Mashid II^{ra}.



S14

Bilakah Masjid Fadl (London) dibuka secara rasmi dan siapakah yang merasmikannya?

J:

Ia telah dibuka secara rasmi pada jam 3.00pm, 3hb Oktober 1926 oleh Khan Bahadur Sheikh 'Abdul Qadir.

Masjid Fadl, London

S15

Apakah wahanu Imam Mahdi^{as} yang ditulis di atas pintu hadapan Masjid Fadl?

J: *امن اسْتَدْرِ مَكَانَ مَحَبَّثٍ سَرَايْهِ مَا*

Amn ast der makan-e-mahabbat sara'i ma.

S16

Siapakah Imam pertama di Masjid Fadl di London?

J:

Hazrat Maulana 'Abdur Rahim Dard^{ra}.

S17

Siapakah yang melaungkan Azan pada upacara pembukaan Masjid Fadl, London?

J:

Hazrat Malik Ghulam Farid^{ra}.

J:

Fatimah.

S13

Apakah maksudnya "Hilful-Fadul"?

J:

Rasulullah^{saw} telah membuat perjanjian bernama "Hilful-Fadul" apabila beliau berumur 21 tahun. Tujuannya adalah untuk membantu orang-orang miskin dan tertindas.

S14

Apabila Rasulullah^{saw} berumur 35 tahun, beliau telah menyelesaikan satu perbalahan besar di antara empat suku terkemuka kaum Quraisy. Jelaskan penyebabnya dan bagaimana Rasulullah^{saw} menyelesaikannya?

J:

Perbalahan tersebut adalah mengenai peletakan semula Hajar Aswad setelah Mekah dilanda banjir. Empat pemimpin terkemuka kaum Quraisy masing-masing mahu mendapatkan penghormatan bagi meletakkan semula Hajar Aswad. Rasulullah^{saw} menyelesaikan perbalahan itu dengan membentangkan serbannya dan meletakkan Hajar Aswad di atas serban tersebut lalu menjemput keempat pemimpin Quraisy memegangnya dan membawanya ke penjuru Ka'abah dan Baginda^{saw} meletak semula Hajar Aswad ke tempat asalnya.

S15

Siapakah sahabat Hazrat Khadijah^{ra} yang diutus kepada Abu Talib untuk melamar perkahwinan antara Rasulullah^{saw} dan Hazrat Khadijah^{ra}?

J:

Nafisah.

S16

Berapakah umur Rasulullah^{saw} bila pertama kali beliau berkahwin dan dengan siapa beliau berkahwin?

J:

Rasulullah^{saw} berumur 25 tahun. Beliau telah berkahwin dengan Hazrat Khadijah^{ra}, seorang janda yang berumur 40 tahun.

S17

Sebelum berkahwin dengan Rasulullah^{saw}, Hazrat Khadijah^{ra} mempunyai

seorang anak lelaki dari perkahwinan sebelumnya. Siapakah nama anak lelaki beliau?

J:
Harits bin Abi Halah.

S18

Berapakah umur Rasulullah^{saw} apabila mengisytiharkan beliau dilantik sebagai Nabi Allah?

J:
40 tahun.

S19

Dimanakah Rasulullah^{saw} menerima wahyu pertama? Terangkan kejadian itu.

J:
Rasulullah^{saw} menerima wahyu pertama di Gua Hira' dalam bulan Ramadhan. Malaikat Jibrail muncul di depan Rasulullah^{saw} dan berkata, "Baca." Rasulullah^{saw} menjawab, "Saya tidak tahu membaca". Malaikat memeluk Rasulullah^{saw} dengan erat dan berkata lagi "Baca". Rasulullah^{saw} memberi jawapan yang sama. Malaikat Jibrail mengulangi supaya Rasulullah^{saw} "Baca" tetapi beliau menolak lagi. Penolakan ini bukan sahaja kerana beliau tidak tahu membaca tetapi bimbang bagaimana untuk menjalankan/memikul tanggungjawab yang begitu besar. Malaikat memeluk Rasulullah^{saw} buat kali ketiga dan memerintahkan beliau untuk membaca seperti berikut:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ○ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ○ إِقْرَأْ وَ
رَبُّكَ الْأَكْرَامُ ○ الَّذِي عَلِمَ بِالْقَلْمَنِ ○ عَلِمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ○

"Bacalah dengan nama Tuhan engkau yang telah menciptakan, menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah! Dan Tuhan engkau adalah Maha Mulia, Yang mengajar dengan pena, mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya". (Surah Al-Alaq 96:2-6)

Setelah mendengar atas nama Tuhan, Rasulullah^{saw} mengulangi perkataan-perkataan ini.

S20

S9

Namakan anggota-anggota delegasi yang menemani Hazrat Khalifatul Masih II^{ra} di dalam perjalanan bersejarah ke England pada tahun 1924.

J:
1. Hazrat Chaudhary Fateh Muhammad Siyal^{ra}
2. Khan Zulfiqar 'Ali Khan
3. Hafiz Raushan 'Ali
4. Maulwi 'Abdur Rahman Misri
5. Hazrat Maulana 'Abdur Rahim Dard^{ra}
6. Dr. Hashmatullah Khan
7. Sheikh Ya'qoob 'Ali 'Irfani
8. Bha'i Sheikh 'Abdur Rahman
9. Ch. 'Ali Muhammad
10. Mian Rehem Din (Chef)

Tambahan, Hazrat Mirza Sharif Ahmad^{ra}, Hazrat Chaudhary Muhammad Zafrulla Khan^{ra} dan Ch. Muhammad Sharif telah menyertai rombongan ini di atas perbelanjaan mereka sendiri.

S10

Bilakah Hazrat Khalifatul Masih II^{ra} tiba di England? Namakan tempat di mana Huzur^{ra} pertama kali menjakkan kaki di UK.

J:
Huzur^{ra} tiba di Dover pada 22hb Ogos 1924.

S11

Siapakah yang digelar 'William the Conqueror / William si Penakluk' di dalam sebuah ilham?

J: Hazrat Khalifatul Masih II^{ra}.

S12

Apakah pakaian seragam para delegasi yang mengiringi Hazrat Khalifatul Masih II^{ra} ke Persidangan Wembley pada tahun 1924?

J:
Turban hijau, kot panjang hitam dan seluar hitam.

5. Hazrat Misbahuddin^{ra}
6. Hazrat Maulwi 'Abdur Rahim Nayyar^{ra}
7. Hazrat Maulwi Muhammaduddin^{ra}
8. Hazrat Maulwi 'Abdur Rahim Dard^{ra}
9. Hazrat Malik Ghulam Farid^{ra}
10. Hazrat Jalaluddin Shams^{ra}

S6

Nyatakan beberapa cara menyebarkan ajaran yang digunakan oleh para Mubaligh terawal di UK.

J:

1. Menulis surat-surat
2. Bersemuka secara peribadi
3. Menyampaikan syarahan-syarahan secara terbuka di taman-taman
4. Menulis di akhbar-akhbar
5. Mengedarkan bahan-bahan bacaan
6. Menjemput datang ke rumah (individu)
7. Memberikan syarahan mengenai topik tertentu di kelab-kelab dan persatuan-persatuan

S7

Bilakah Persidangan Wembley diadakan (di mana syarahan Hazrat Khalifatul Masih II^{ra} dibacakan)?

J:

Pada tahun 1924.

S8

Siapakah yang mewakili Jemaat Muslim Ahmadiyah pada Persidangan Wembley dalam tahun 1924?

J:

Hazrat Khalifatul Masih II^{ra} sendiri yang menghadiri persidangan tersebut. Beliau menulis sebuah syarahan bertajuk 'Ahmadiyyat or The True Islam'. Hazrat Chaudhary Muhammad Zafrulla Khan^{ra} telah diarahkan oleh Huzur^{ra} untuk membacakan ringkasan syarahan tersebut.

Apakah reaksi Hazrat Khadijah^{ra} apabila mendapat tahu Rasulullah^{saw} menerima wahyu buat pertama kali?

J:

Apabila Rasulullah^{saw} menerima wahyu, Baginda berasa sangat gementar dengan tanggungjawab yang diletakkan ke bahunya. Selepas kejadian menakjubkan ini, Baginda pulang ke rumah dengan perasaan gusar dan muka muram. Apabila ditanya oleh Hazrat Khadijah^{ra}, Baginda menceritakan seluruh pengalamannya kepada isteri tercinta dengan perasaan takut dan Baginda bersabda:

"Orang lemah seperti aku tidak mungkin dapat memikul tanggungjawab yang Allah serahkan ke bahuku". Hazrat Khadijah^{ra} menjawab "Demi Allah, Dia tidak akan menurunkan wahyu ke atasmu jika ia akan gagal dan tidak bernilai, dan Dia sebaliknya telah memilih engkau. Bagaimanakah Allah akan melakukan perkara seperti itu, sedangkan kamu berhati mulia, bertimbangrasa dengan saudaramu, menolong yang miskin dan terbiar dan memikul beban mereka? Kamu telah mengembalikan nilai-nilai kebaikan yang telah hilang lenyap dari negeri ini. Kamu melayan para tamu dengan penuh hormat dan membantu mereka yang menderita. Bolehkah kamu gagal ujian dari Allah Taala?" (*Sahih Bukhari*)

S21

Siapakah Waraqah bin Naufil?

J:

Beliau adalah seorang pendeta agama Kristian dan adalah sepupu kepada Hazrat Khadijah^{ra}.

S22

Apakah reaksi Waraqah bin Naufil apabila Rasulullah^{saw} menceritakan pengalaman beliau menerima wahyu dari Allah melalui Jibrail^{as}?

J:

Waraqah bin Naufil berkata, "Saya pasti malaikat yang turun kepada Nabi Musa^{as} telah turun kepada kamu. Saya harap saya boleh terus hidup untuk menyokong kamu apabila manusia menolak kamu."

S23

Namakan di antara laki-laki, perempuan, kanak-kanak, hamba-hamba, Raja-Raja, orang-orang Parsi dan orang-orang Rom yang pertama meluk Islam.

J:

- ◆ Lelaki - Abu Bakar^{ra}
- ◆ Perempuan - Khadijah^{ra}
- ◆ Kanak-kanak - 'Ali^{ra}
- ◆ Hamba - Zaid bin Harits^{ra}
- ◆ Raja - Asma'ha Negus^{ra} dari Abyssinia
- ◆ Orang Parsi - Salman Farsi^{ra}
- ◆ Orang Rom - Suhaiib Rumi^{ra}

S24

Terangkan tentang penghijrah ke Abyssinia?

J:

Apabila kekejaman dan penindasan oleh orang-orang Mekah melampaui batas, sekumpulan laki-laki, perempuan dan kanak-kanak bertindak mengikut nasihat/cadangan Rasulullah^{saw} telah berhijrah ke Abyssinia. Dengan kepemimpinan seorang raja yang adil, di sini mereka dapat menjalankan kepercayaan dan amalan-amalan kepada Tuhan tanpa gangguan. Orang-orang Mekah cuba terus mempengaruhi Raja Negus menentang orang-orang Muslim, tetapi gagal. Raja Negus sentiasa memperlakukan orang-orang Islam dengan adil dan kasih sayang dan beliau kemudian menerima Islam, dan menjadi Raja pertama yang menerima Islam.

S25

Jelaskan mengenai tanda "Shaqqul Qamar" (Bulan terbelah).

J:

Orang-orang Mekah yang tidak mempercayai Rasulullah^{saw} menuntut agar beliau menunjukkan satu tanda. Rasulullah^{saw} menunjukkan dengan jari beliau ke arah bulan. Dengan kuasa Tuhan satu fenomena alam semesta yang sangat besar telah terjadi pada waktu itu, dan bulan nampak seolah-olah terbelah. Kejadian itu ada disebut di dalam Al-Qur'an.

إِقْتَرَبَتِ السَّاعَةُ وَأَنْشَقَ الْقَمَرُ

"Saat itu dekat dan bulan terbelah". (Surah Al-Qamar 54:2)

lah men-



Matahari Islam Terbit Di Barat



S1

Nyatakan nubuwatan Imam Mahdi^{as} tentang orang-orang Inggeris.

J:

"Saya telah melihat diri saya sedang berdiri di atas mimbar di bandar London dan sedang bercakap di dalam bahasa Inggeris menerangkan tentang kebenaran Islam dengan keterangan yang sangat diterima akal. Sesudah itu, saya menangkap beberapa ekor burung yang ketika itu sedang bertenggek di atas pokok-pokok kecil. Mereka semuanya berwarna putih dan memiliki saiz badan seakan-akan ayam hutan" (Izala-e-Auham)

S2

Siapakah lelaki Inggeris pertama yang menerima Ahmadiyah?

J:

Mr. Clement Rigg (1908).

S3

Pada tahun bilakah Jemaat Ahmadiyah Muslim ditubuhkan di UK?

J:

1913.

S4

Siapakah Muballigh pertama yang dihantar ke UK?

J:


Hazrat Chaudhary Fateh Muhammad Siyal^{ra}.

S5

Namakan beberapa Muballigh yang terawal di UK.

J:

1. Hazrat Chaudhary Fateh Muhammad Siyal^{ra}
2. Hazrat Qadi Muhammad 'Abdullah^{ra}
3. Hazrat Mufti Muhammad Sadiq^{ra}
4. Hazrat Maulwi Mubarak 'Ali^{ra}



S26

Bagaimana Hazrat Umar^{ra} menerima Islam?

J:

Apabila Rasulullah^{saw} mengumumkan beliau dilantik sebagai Rasul Allah, Hazrat Umar^{ra} menjadi lawan yang paling garang terhadap Islam. Sehingga pada satu hari Hazrat Umar^{ra} mengangkat pedang meninggalkan rumah beliau untuk membunuh Rasulullah^{saw}. Dalam perjalanan, ada seorang memberitahu Hazrat Umar^{ra} supaya menguruskan adik dan abang ipar beliau yang telah pun menerima Islam. Beliau terus pergi ke rumah mereka dan saat tiba disana beliau dapat mendengar ayat-ayat Al-Qur'an dibaca dari dalam rumah. Ini membuatkan Hazrat Umar^{ra} marah dan mula memukul adik iparnya tetapi telah mencederakan adiknya yang melindungi suaminya. Adik beliau yang cedera berkata dengan suara yang tabah, "Umar, kamu boleh memukul kami sebanyak yang kamu suka, tapi kami tidak akan meninggalkan kepercayaan kami". Ini membuatkan Hazrat Umar^{ra} tersentak dan kembali tenang lalu beliau meminta ayat-ayat Al-Qur'an dibacakan lagi kepadanya. Ketika mendengar tilawat Al-Qur'an tadi, beliau tersentuh sambil berlinangan air mata. Beliau terus pergi menemui Rasulullah^{saw} dan menerima Islam.

S27

Ayat Al-Quran manakah yang telah dibacakan kepada Hazrat Umar^{ra} yang telah menyakinkan beliau tentang kebenaran Islam?

J:

Surah Thaha (20:15-16).

S28

Setelah 6 tahun Rasulullah^{saw} mendakwa sebagai Rasul Allah, orang-orang Quraisy memutuskan untuk menghukum orang-orang Islam (dikepung dalam lembah Sha'b Abu Talib) dan di pulaukan di mana keperluan makannan disekat. Berapa lama pemulauan ini berlaku?

J:

3 tahun.

S29

Apakah yang dapat difahami tentang "Amul Huzn"?

J:

Apabila Rasulullah^{saw} bebas dari pemulauan Sha'b Abu Thalib, beliau melalui 2 kehilangan yang menyedihkan di mana isteri (Hazrat Khadijah^{ra}) & pakcik beliau (Abu Talib), telah meninggal dunia. Tahun ini (tahun ke-10 Rasulullah^{saw} diutus) dikenali dalam tahun sejarah Islam sebagai "Amul Huzn" (Tahun Kesedihan).

S30

Apakah tujuan Rasulullah^{saw} melawat Ta'if?

J:

Untuk menyebarkan ajaran Islam kerana di Mekah tak banyak yang menerima.

S31

Siapakah yang menemani Rasulullah^{saw} dalam lawatan ke Ta'if?

J:

Hazrat Zaid bin Harith^{ra}.

S32

Apakah tindakbalas orang-orang Ta'if apabila Rasulullah^{saw} melawat Ta'if?

J:

Orang-orang Ta'if melontar batu kepada Rasulullah^{saw} dan Hazrat Zaid^{ra}. Baginda mengalami luka yang banyak.

=====

Petikan syair memuji Nabi Muhammad saw

*Tiada lagi manusia di dua dunia
Yang punya maqam setara Muhammad
Tuhan sesungguhnya tidak menyukai
Mereka yang memusuhi Muhammad*

=====

J:

Malaikat bertanya haruskah jika penganiaya-penganiaya itu dihancurkan.

S34

Apakah jawapan Rasulullah^{saw} kepada pertanyaan Malaikat yang ingin menghancurkan penduduk Taif yang mencederakan Baginda^{saw}?

J:

“Tidak, saya harap dari penganiaya-penganiaya ini akan lahir mereka yang akan menyembah satu Tuhan yang benar”. (*Bukhari, Kitab Bad'il Khalq*)

S35

Semasa dalam perjalanan pulang dari Ta'if, Rasulullah^{saw} berehat seketika, ada seorang Kristian memeluk Islam. Siapakah nama orang Kristian itu?

J:

'Addas.

S35

Di negara manakah Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} telah diberikan penghormatan pada upacara di Jalsah Salanah ke-44 dalam tahun 2005?

J:
Mauritius.

S36

Berikan jawapan pada perenggan di bawah ini;

Pada _____ 2005, Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} telah melawat Qadian, India ke upacara perjumpaan tahunan mereka yang ke _____. Di dalam ucapan pembukaan yang disampaikan pada _____ 2005, Hudur^{aba} telah mengumumkan bahawa menurut kalender _____, _____ tahun _____ dalam Ahmadiyah telahpun sempurna.

J:
Disember, ke-114, 26hb Disember, Lunar, 100, Khilafat.



S36

Ibubapa kepada siapakah yang bernama “Rabah” dan “Hamamah”?

J:
Hazrat Bilal^{ra}.

S37

Hazrat Bilal^{ra} berasal dari negara mana?

J:
Abbyssinia (Ethiopia).

S38

Apabila Hazrat Bilal^{ra} menerima Islam, beliau diseksa oleh Umayyah bin Khalif sehingga pengsan. Apakah perkataan yang selalu disebut apabila Hazrat Bilal^{ra} diseksa?

J:
Ahad, Ahad (maknanya Allah yang satu).

S39

Siapakah yang membebaskan Hazrat Bilal^{ra} dari kehambaan dan bagaimana ianya terjadi?

J:
Hazrat Abu Bakar^{ra} menawarkan satu harga kepada Umayyah setelah Hazrat Bilal^{ra} tidak sedarkan diri akibat seksaan yang teruk. Sejurus perbincangan hampir selesai, Umayyah melihat pergerakan pada Hazrat Bilal^{ra} dan menaikkan harga tawaran kepada 5 syiling perak. Hazrat Abu Bakar^{ra} bersetuju dan berse-dia membantu Hazrat Bilal^{ra}. Umayyah dengan gembira berkata kepada Hazrat Abu Bakar^{ra}, “Walaupun engkau menawarkan 1 syiling perak untuk barang jahanam ini, aku akan terima juga”. Hazrat Abu Bakar^{ra} menjawab, “Wahai Umayyah, kalaularah kau menawarkan 100 syiling perak, aku akan dengan suka hati membayarnya”.

S40

Apakah perbezaan antara Mi'raj dan Isra'?

J:
Mi'raj (kenaikan secara rohani) adalah perjalanan rohani Rasulullah^{saw} ke syurga oleh Hazrat Jibrail^{as} yang berlaku pada tahun ke-5 kenabian. Ini disebut dalam Surah An-Najm (53:8-18). Isra' (perjalanan malam Rasulullah^{saw} secara rohani

ke Jerussalam) pula adalah jelas dan berbeza daripada Mi'raj di mana ianya berlaku dari Mekah ke Baitul Maqdis. Isra' berlaku pada tahun ke-11 atau 12 kenabian. Ini ada disebut dalam surah Bani Israil (17:2).

S41

Apa yang kamu tahu mengenai penghijrahan ke Madinah?

J:

Dalam bulan Rabi'ul Awwal (13 tahun selepas turunnya wahyu) kepada Rasulullah^{saw}, diturunkan perintah wahyu agar berpindah ke Madinah. Orang Mekah telah merancang untuk membunuh Rasulullah^{saw}. Dengan ditemani Hazrat Abu Bakar^{r'a}, Baginda bergerak secara senyap keluar dari Mekah pada waktu malam. Mereka berdua berlindung di dalam gua bernama Thur, lebih kurang tiga atau empat batu disebalik bukit dari Mekah. Orang Mekah, diketuai oleh pencari jejak mengikuti kesan menuju ke gua sehingga Rasulullah^{saw} dan Hazrat Abu Bakar^{r'a} dapat melihat kaki orang-orang Mekah di pintu gua. Si penjejak berkata samada Muhammad^{saw} berada di dalam gua atau telah naik ke langit. Hazrat Abu Bakar^{r'a} berasa sangat takut kalau mereka tertangkap. Nabi Muhammad^{saw} menenangkan sahabatnya dengan berkata "Jangan takut, Allah bersama kita". Sebagaimana didalam wahyu, orang Mekah tidak masuk ke dalam gua. Selepas menghabiskan dua hari dua malam di dalam gua, mereka berdua bertolak ke Madinah pada malam ke tiga.

S42

Berapa jauh dari Mekah ke Madinah?

J:

Lebih kurang 200 batu.

S43

Siapakah yang mengejar perjalanan Rasulullah^{saw} ke Madinah? Apakah nubuwatan tentang orang itu dan bilakah ianya terkabul?

J:

Setelah meninggalkan gua Thur, Rasulullah^{saw} dan Hazrat Abu Bakar^{r'a} meneruskan perjalanan ke Madinah. Terpengaruh dengan ganjaran 100 ekor unta, Suraqah bin Malik, seorang ketua suku Badwi, dengan menunggang kuda mencari mereka yang tengah menuju Madinah. Kuda tunggangannya terjatuh 3 kali setiap kali dia menghampiri Rasulullah^{saw}. Suraqah berasa takut dengan kejadian itu lalu meminta Baginda^{saw} berhenti dan menceritakan segala-segalanya termasuk ganjaran jika mendapat menangkap Baginda^{saw}. Setelah melihat Suraqah telah mengubah fikirannya. Rasulullah^{saw} berkata, "Wahai Suraqah, bagaimana rasanya kalau gelang Kaisar berada di pergelangan tan-

S29

Namakan beberapa tempat lawatan Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} di Burkina Faso semasa beliau pertama kali melawat ke negara tersebut.

J: Ouagadougou, Bobo Jalasso, Dori.

S30

Bilakah tarikh ketika pertama kali Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} melawat Burkina Faso?

J:

Pada 25hb Mac 2004.

S31

Stesyen radio manakah yang dilawati oleh Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} semasa di Burkina Faso dalam lawatannya ke Afrika pada tahun 2004?

J:

Huzur^{aba} telah pergi meninjau ke Islamique Ahmadiyya Radio, Bobo Jalasso. Stesyen radio ini meliputi kawasan sehingga 50 kilometer persegi dan mempunyai lebih sejuta pendengar.

S32

Namakan negara-negara yang dilawati oleh Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} semasa lawatan beliau ke Afrika Barat dalam tahun 2004.

J: Ghana, Burkina Faso, Benin, Nigeria.

S33

Semasa lawatan pertama beliau ke Afrika Barat, Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} menyampaikan sebuah syarahan di sebuah universiti. Apakah topik syarahan beliau dan di negara manakah syarahan tersebut disampaikan?

J:

Topiknya ialah "Islam — Agama Kedamaian", disampaikan di Universiti D'Abomey, Cotonou, Benin.

S34

Namakan tiga negara yang dilawati oleh Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} pada lawatan kedua beliau ke Afrika.

J:

Kenya, Tanzania dan Uganda.

S24

Bilakah Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} telah bertolak untuk lawatan pertamanya yang bersejarah ke Afrika Barat?

J:

Sabtu, 13hb Mac 2004.

S25

Apakah negara Afrika yang pertama yang dilawati oleh Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} selepas menjadi Khalifah?

J:

Ghana.

S26

Apakah janji Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} kepada pelajar-pelajar Ahmadi yang cemerlang di Ghana semasa lawatan bersejarah beliau pada tahun 2004, yang mana tidak dapat meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi?

J:

Hudur^{aba} menyatakan adalah menjadi hak setiap anak Ahmadi mendapatkan pelajaran. "Tiada anak yang patut meninggalkan pelajarannya disebabkan dia tidak mampu sumber kewangan. Sekiranya terdapat sebarang halangan kewangan di dalam mendapatkan pelajaran, sila beritahu saya. Insha'Allah kamu akan dibekalkan kewangannya."

S27

Dari sekolah manakah Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} menyatakan yang beliau percaya bahawa akan muncul pemimpin-pemimpin Ghana di masa depan?

J:

T.I. Ahmadiyya Secondary School, Salaga.

S28

Terangkan tentang rumah Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} semasa Waqfnya di Salaga.

J:

Ia adalah sebuah rumah yang mengandungi dua buah bilik kecil, sebuah dapur yang kecil dan sebuah bilik air yang hanya beberapa kaki persegi dan tiada yang lain. Ianya tiada bekalan elektrik semasa Hudur^{aba} menetap di sana.

ganmu?". "Kaisar, Maharaja Parsi?", tanya Suraqah. "Ya," jawab Rasulullah^{saw}. Suraqah terduduk diam dengan penuh kehairanan. Lebih kurang 16 tahun kemudian, di bawah pimpinan Khalifah Umar^{ra}, gelang tangan emas dari Maharaja Parsi jatuh menjadi kepunyaan Hazrat Umar^{ra}. Beliau memanggil Suraqah dan meletakkan gelang-gelang tadi ke atas beliau dan mengingatkan beliau tentang perkataan dan kebenaran nubuwatan Rasulullah^{saw}.

S44

Apabila Rasulullah^{saw} memasuki Madinah, sekumpulan anak-anak perempuan telah menyanyikan sebuah lagu. Apakah lagu itu?

J:

طَلَعَ الْبَنْزُ عَلَيْنَا
مِنْ ثَنَيَّاتِ الْوَدَاعِ
وَجَبَ الشُّكْرُ عَلَيْنَا
مَادَعَ اللَّهُ دَاعِ

Maksudnya: "Bulan pada malam yang ke-14 telah menyinari kami dari belakang Al-Wida' (bukit-bukit di Madinah). Selagi kami berada di tengah-tengah seseorang yang memanggil kami kepada Tuhan, ia adalah tanggungjawab kami untuk menghulur tanda terima kasih kami kepada Tuhan. Pada engkau yang telah diutus untuk kami, demi Tuhan, kami akan beri penuh ketaatan.

S45

Apakah nama asal kota Madinah?

J:

Pada awalnya Madinah dikenali sebagai Yathrib. Selepas kedatangan Rasulullah^{saw} ia dinamakan Madinatun-Nabi (Kota Rasulullah^{saw}) dan kemudian dipendekkan dengan nama Madinah.

S46

Siapakah sahabat-sahabat yang mendapat penghormatan di mana Rasulullah^{saw} tinggal di rumah-rumah mereka di Quba dan di Madinah?

J:

Rasulullah^{saw} tinggal di rumah Hazrat Kurthum bin Hadam^{ra} di Quba dan di rumah Hazrat Abu Ayyub Ansari^{ra} di Madinah.

S47

Berapa banyaknya suku yang tinggal di Madinah semasa zaman Rasulullah^{saw}?

J:

Ada dua puak Ansar (Penolong) bernama Aus dan Khazraj. Ada juga tiga suku dari Yahudi, Banu Qainaqah, Banu Nadhir dan Banu Quraizah.

S48

Siapakah muazzin pertama dalam Islam?

J:

Hazrat Bilal^{ra}.

S49

Namakan masjid pertama di mana batu asas diletak oleh Rasulullah^{saw} selepas Hijrah?

J:

Masjid Quba (Quba adalah sebuah kampung berdekatan Madinah di mana Rasulullah^{saw} menetap selama 10 hari sebelum memasuki Madinah).

S50

Apakah perbezaan antara Ghazwah dan Sarya?

J:

Ghazwah adalah peperangan di mana Rasulullah^{saw} sendiri mengambil bahagian. Sarya adalah peperangan di mana Baginda^{saw} tidak menyertainya.

S51

Bilakah perang Badr terjadi dan berapa ramai yang terbabit dari kedua-dua suku tersebut?

J:

Perang Badr terjadi pada tahun kedua sesudah Hijrah dan juga dikenali sebagai "Yaumul Furqan" (Hari Pengadilan). Askar kaum muslimin hanya berjumlah 313, kebanyakannya tidak berpengalaman, tidak mahir dan kekurangan senjata. Sebahagian besar berjalan kaki, sedikit sahaja yang menunggang unta dan hanya ada dua ekor kuda. Mereka berperang melawan 1000 orang askar Mekah yang gagah, berpengalaman dan cukup dengan senjata untuk berperang. Walaupun begitu, askar-askar Mekah telah tewas dalam perang ini.

D) Huzur^{aba} menyuruh agar membaca doa berikut: (Doa Nabi Muhammad^{saw})

اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِهِمْ وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ

"Ya Allah, Sesungguhnya kami menjadikan Engkau di dalam hati mereka sebagai penentang, dan kami meminta perlindungan Engkau dari kejahanatan mereka".

E) Huzur^{aba} menyuruh agar memperbanyakkan Istighfar, dengan membaca:

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ رَبِّيْ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ وَّأَتُوْبُ إِلَيْهِ ط

"Aku memohon ampun kepada Allah Tuhanku, dari segala dosaku dan kepadanyaalah aku bertaubat".

F) Huzur^{aba} menyuruh supaya membacakan Durud ke atas Nabi Muhammad^{saw} sebanyak-banyaknya. Beliau menyatakan setiap Ahmadi harus memberikan perhatian yang khusus terhadap perkara ini di dalam 3 tahun akan datang.

G) Huzur^{aba} menyuruh agar mengerjakan dua solat nawafil setiap hari untuk kestabilan dan kemakmuran Jemaat.

H) Huzur^{aba} menyuruh agar sentiasa berpuasa sehari setiap bulan dengan berdoa supaya Allah^{swt} menjaga Khilafat Ahmadiyah kukuh selamanya.

I) Huzur^{aba} menyuruh agar membaca doa berikut

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ . اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَآلِ مُحَمَّدٍ

"Maha Suci Allah dan segala puji bagiNya. Maha Suci Allah yang Maha Besar. Ya Allah, berkatilah Muhammad dan umat Muhammad".

S22

Apakah nama Masjid yang telah dirasmikan oleh Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} di London?

J:
Masjid Baitul Futuh.

S23

Apakah nama skim yang telah dilancarkan oleh Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} di dalam khutbah Jumaat beliau pada 27hb May 2005?

J:
Skim tersebut adalah untuk menyambut seabad penubuhan Khilafat Ahmadiyah. Ia mengandungi beberapa doa seperti berikut:

- A) Bacaan Surah Al-Fatiha sebanyak 7 kali sehari, mendalaminya dan mengamalkannya agar kamu selamat dari pelbagai dugaan, bala dan fitnah dajjal
- B) Baca doa berikut sekirap yang mungkin.

رَبَّنَا أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبَرًا وَتَبْتُ أَقْدَامَنَا وَ انصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكُفَّارِينَ

“Ya Tuhan kami, kurniakanlah ke atas kami kesabaran, dan teguhkanlah langkah kami dan bantulah kami menghadapi orang-orang yang ingkar”
(Surah Al-Baqarah, ayat 251)

- C) Sebuah doa yang sangat penting bagi mendapatkan hati yang sentiasa lurus

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَ هَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَابُ

“Ya Tuhan kami, janganlah Engkau pesongkan hati kami setelah Engkau beri petunjuk, kurniakanlah ke atas kami rahmat dari sisi Engkau; sesungguhnya Engkau Maha pemberi Rahmat”.

S52

Bilakah Perang Uhud terjadi?

J:
Perang Uhud terjadi pada tahun ketiga selepas Hijrah (Mac 624 M).

S53

Bilakah Perang Khandak? Kenapa iaanya dikenali dengan nama itu?

J:
Perang itu berlaku dalam bulan Syawal, tahun kelima Hijrah (627 M). Hazrat Salman Farsi^{ra} telah mencadangkan orang-orang Islam untuk menggali parit bagi menentang sekutu orang-orang Arab. Sebab itulah nama perang tersebut dikenali sebagai Perang Khandak (Parit)

S54

Apakah “Perjanjian Hudaibiyah”?

J: Pada tahun ke-6 Hijrah (628 M) di kawasan bernama Hudaibiyah, satu perjanjian keamanan telah ditandatangani antara orang-orang Musyrik Mekah dengan orang-orang Islam. Perjanjian ini telah dikenali dengan nama “Perjanjian Hudaibiyah”

S55

Apakah yang dimaksudkan dengan “Baitur Ridhwan” (Perjanjian bagi meraih kecintaan Allah^{swt}) dan di surah mana dalam Al-Qur'an ia disebutkan?

J:
Sebelum perjanjian pendamaian, di suatu tempat bernama Hudaibiyah, kaum muslimin mendapat khabar angin bahawa orang-orang Mekah telah membuat khianat dan membunuh wakil mereka iaitu Hazrat Uthman^{ra}. Sebanyak 1500 orang Islam telah mengangkat sumpah di bawah tangan Rasulullah^{saw} di bawah pokok akasia dan berjanji akan berdiri bersama-sama demi Hazrat Uthman^{ra} sehingga mati. Mereka tidak akan berpatah balik. Mereka akan menakluki Mekah sebelum senja atau mereka akan berperang hingga mati. Ikrar ini dikenali sebagai “Perjanjian bagi meraih kecintaan Allah^{swt}” dan ada disebut dalam Al-Qur'an di surah Al-Fath (surah 48:11-19).

S56

Pada waktu kemenangan peperangan apakah para penghijrah yang berhijrah ke Abyssinia kembali bergabung dengan kaum muslimin?

J:

Sejurus selepas kemenangan Khaiber, Rasulullah^{saw} menyambut kepulangan Hazrat Ja'afar^{ra} yang dulunya berhijrah ke Abyssinia bersama orang Muslim yang lain. Rasulullah^{saw} terlalu gembira melihat Hazrat Ja'afar^{ra} sehingga berkata bahawa Baginda^{saw} tidak pasti kegembiraan tersebut disebabkan kemenangan Khaiber atau kembalinya Hazrat Ja'afar^{ra} dari Abyssinia.

S57

Peristiwa Fatah Mekah yang berlaku pada 629 M membuktikan kebenaran Nabi Muhammad saw kerana Al Kitab sendiri mencatatkan “*Berkata ia: Tuhan datang dari Sinai dan terbit kepada mereka itu dari Seir; ia tampak bersinar dari Pergunungan Paran dan datang dari tengah-tengah puluhan ribu orang yang kudus; di sebelah kanan-Nya tampak kepada mereka api yang menyala. Sebutkan bahagian mana dalam Al Kitab tersebut dan di mana terletak Pergunungan Paran serta apa yang api yang menyala?*

J. (Perjanjian Lama, Ulangan 33:2), Paran@Faran kawasan pergunungan antara Mekah dan Madinah, manakala api yang menyala ialah Al Quran yang menerangi bangsa Arab yang hidup di dalam zaman kegelapan jahiliyah.

S58

Dengan ringkas,uraikan kejatuhan Mekah.

J:

Pada tahun ke-8 selepas Hijrah, di bulan Ramadhan (Disember 629 M), Rasulullah^{saw} bersama 10,000 orang sahabat menuju ke Mekah dan berjaya menaklukinya. Walaupun kaum muslimin telah dianiaya dengan kejam dan diseksa oleh orang-orang Mekah, namun Rasulullah^{saw} telah memberi keampunan dan berkata “Demi Tuhan, hari ini tidak akan ada hukuman buat kamu.”

S59

Apabila Rasulullah^{saw} memasuki Mekah, apakah tugas pertama yang beliau jalankan?

J:

Rasulullah^{saw} pergi terus ke Ka'bah dan mengarahkan supaya semua berhala-berhala dalam Ka'bah dipecahkan/dihancurkan.

S17

Siapakah yang membuat pengumuman tentang pelantikan Hazrat Sahibzada Mirza Masroor Ahmad sebagai Khalifatul Masih V^{aba}?

J:

Maulana Ataul Mujeeb Rashed, Sekretari Majlis Intikhab-e-Khilafat (Badan Pemilihan).

S18

Apakah mesej pertama yang diberikan oleh Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} kepada Jemaat sejurus selepas pemilihan beliau?

J:

“Dua'ain Karein, Dua'ain Karein, Dua'ain Karein” atau berdoalah, berdoalah, berdoalah

S19

Siapa dan dimana berlakunya peristiwa kesyahidan pertama anggota Jemaat Ahmadiyah semasa Kekhalifatan Hazrat Khalifatul Masih V^{aba}?

J:

Muhammad Shah 'Alam di Ragunathpuragh, Daerah Kushtia, Bangladesh.

S20

Sejak pemilihan beliau dalam tahun 2003, berapa kaliakah Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} telah melawat Afrika?

J:

Dua kali.

S21

Apakah projek-projek Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} yang dimulakan untuk mengingati Hazrat Khalifatul Masih IV^{ta}?

- Yayasan Tahir (Tahir Foundation): Projek ini melibatkan semua penghargaan, pengumpulan dan penerbitan kerja-kerja Hazrat Khalifatul Masih IV^{ta}.
- Institut Jantung Tahir (Tahir Heart Institute).
- Kelab Kecergasan Tahir (Tahir Fitness Club).

S13

Apakah yang telah terjadi semasa Hazrat Sahibzada Mirza Masroor Ahmad pergi ke Mahkamah Sesyen berkenaan dengan kes tuduhan tersebut?

J:

Apabila defenden-defenden tiba di Mahkamah Sesyen di daerah Chiniot untuk mendapatkan ikat jamin yang telah disahkan (telah diluluskan sementara oleh Mahkamah Tinggi), hakim Mahkamah Sesyen tersebut enggan malah kemudiannya mengeluarkan waran tangkap. Disebabkan itu, mereka telah ditahan dan dihantar ke penjara sebelum sebarang penyiasatan dilaksanakan seolah-olah laporan aduan tersebut adalah betul.

S14

Pada tahun bilakah Hazrat Sahibzada Mirza Masroor Ahmad^{aba} dipenjarakan dan apakah alasan yang digunakan oleh pihak berkuasa Pakistan?

J:

Dalam tahun 1999, Hazrat Sahibzada Mirza Masroor Ahmad^{aba} telah mendapat kehormatan menjadi tahanan di atas nama Allah^{swt} di Rabwah, Pakistan. Huzur^{aba} dan Col. Ayaz Mahmud, seorang pegawai am yang bertauliah telah ditahan oleh pihak Kerajaan Pakistan dengan menggunakan undang-undang murtad dan keselamatan awam. Kedua-dua undang-undang ini sering digunakan sebagai alat untuk melakukan penganiayaan terhadap orang-orang Ahmadi Muslim di Pakistan.

S15

Berapa lamakah Hazrat Sahibzada Mirza Masroor Ahmad^{aba} telah menghabiskan masa di penjara?

J:

Beliau telah ditahan atas tuduhan palsu yang mana membawa hukuman penjara seumur hidup. Dipenjarakan pada 30hb April 1999 tetapi telah dibebaskan dengan kurniaan Allah^{swt} pada 10hb Mei 1999.

S16

Bilakah Hazrat Sahibzada Mirza Masroor Ahmad^{aba} dipilih sebagai Khalifah?

J:

Pada 22hb April 2003, jam 11:40pm GMT.

S60

Surah apakah dalam Al-Qur'an yang Rasulullah^{saw} baca, apabila setiap berhala dipecahkan?

J:

وَقُلْ جَاءَ الْحَقُّ وَرَهْقَ الْبَاطِلُ ۖ إِنَّ الْبَاطِلَ كَانَ زَهْقًا

Dan katakanlah, “Kebenaran telah datang dan kebatilan telah lenyap. Sesungguhnya kebatilan itu pasti akan lenyap.” (Bani Isra'il 17:82).

S61

Bilakah ekspedisi Tabuk berlaku?

J:

Ekspedisi ini berlaku pada tahun ke-9 Hijrah (630 M).

S62

Namakan beberapa pemimpin di mana Rasulullah^{saw} mengutus surat jemputan kepada Islam?

J: Setelah gencatan senjata Hudaibiyah (6 Hijrah), Rasulullah^{saw} mengutus surat kepada pemimpin-pemimpin berikut, mengajak mereka kepada Islam:

- | | | |
|-------------------|---|--------------------|
| 1) Heraclius | - | Maharaja Byzantine |
| 2) Parwes | - | Maharaja Iran |
| 3) Asma'ha | - | Raja Abyssinia |
| 4) Maqauqus | - | Raja Egypt |
| 5) Hamzah bin Ali | - | Ketua Yamamah |
| 6) Harits | - | Raja Ghassan |
| 7) Mundhir Taimi | - | Ketua Bahrain |

S63

Nyatakan dua baris sajak yang disebut Rasulullah^{saw}.

J:

أَنَا النَّبِيُّ لَا كَذَبٌ أَنَا ابْنُ عَبْدِ الْمُطَّلَبِ

“Aku adalah Nabi, bukan pembohong. Aku adalah anak lelaki Abdul Mutthalib”.

S64

Sebutkan nama isteri-isteri Rasulullah^{saw}.

J:
Hazrat Khadijah^{ra}, anak perempuan Khuwailid, kahwin pada 595 M.
Hazrat Saudah^{ra}, anak perempuan Zam'a, kahwin pada 620 M.
Hazrat Aishah Siddiqah^{ra}, anak perempuan Hz Abu Bakar, kahwin pada 622 M.
Hazrat Hafsa^{ra}, anak perempuan Hz Umar bin Khattab, kahwin pada 624 M.
Hazrat Zainab^{ra}, anak perempuan Khuzaimah, kahwin pada 625 M.
Hazrat Ummi Salmah Hind^{ra}, anak perempuan Abu Umayyah, kahwin pada 626 M.
Hazrat Zainab^{ra}, anak perempuan Jahsh, kahwin pada 626 M.
Hazrat Juwairiyah^{ra}, anak perempuan Harith, kahwin pada 626 M.
Hazrat Safiyyah^{ra}, anak perempuan Huyy bin Akhtab, kahwin pada 628 M.
Hazrat Ummi Habibah^{ra}, anak perempuan Abu Sufyan, kahwin pada 628 M.
Hazrat Mariyah Qibtiyah^{ra}, kahwin pada 629 M.
Hazrat Maimunah^{ra}, anak perempuan Harith, kahwin pada 629 M.

⇒ Pengecualian untuk memiliki lebih dari empat isteri dalam satu masa hanya diberikan kepada Nabi Muhammad^{saw}. Ini dinyatakan di dalam Surah Al-Ahzab 33:51

S65

Namakan anak-anak perempuan Rasulullah^{saw}

J:

- Hazrat Zainab^{ra}, isteri kepada Hazrat Abul 'As bin Rabi^{ra}
- Hazrat Ruqayyah^{ra}, isteri kepada Hazrat 'Uthman bin 'Affan^{ra}
- Hazrat Ummi Kalsum^{ra}, isteri kepada Hazrat 'Uthman bin 'Affan^{ra}
- Hazrat Fatimah^{ra}, isteri kepada Hazrat 'Ali bin Abi Talib^{ra}

*Hazrat Ruqayyah^{ra} dan Hazrat Ummi Kalsum^{ra} telah menikah dengan 'Utbah dan 'Utaibah, kedua-duanya anak lelaki Abu Lahab tetapi sebelum acara walimah (rukhtana), pernikahan tersebut dibatalkan. Namun, kedua-duanya telah berkahwin dengan Hazrat 'Uthman^{ra} tetapi pada waktu yang berbeza

S66

Namakan anak-anak lelaki Rasulullah^{saw}

J:

- Hazrat Qasim^{ra}
- Hazrat Tahir^{ra}
- Hazrat Tayyib^{ra}. Juga dikenali sebagai Hazrat 'Abdullah^{ra}
- Hazrat Ibrahim^{ra}

S10

Senaraikan beberapa jawatan yang dipegang oleh Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} sebelum menjadi Khalifah?

J:

- ◆ Pada 17hb Mac 1985, Huzur^{aba} telah dilantik sebagai Wakil-ul Mal II, Jabatan Pengurusan Kewangan II.
- ◆ Pada 18hb Jun 1994 beliau telah dilantik sebagai Nazir Ta'lim (Pengarah Pelajaran).
- ◆ Pada 10hb Disember 1997, Hazrat Khalifatul Masih IV^{ra}, melantik Hazrat Sahibzada Mirza Masroor Ahmad^{aba} sebagai Nazir A'la (Ketua Pengarah Eksekutif) Sadr Anjuman Ahmadiyya Pakistan dan Amir Tempatan.
- ◆ Pada Ogos 1998 beliau telah dilantik sebagai Sadr (Presiden) Bahishti Maqbara dan Majlis Karpardaz Masalaiah Qabristan.
- ◆ Beliau adalah Presiden kepada Komiti Taz'in Rabwah (komiti untuk keindahan Rabwah). Beliau telah mengembangkan Nurseri Gulshan-e-Ahmad dan dengan usaha beliau sendiri telah membentuk semula/menjadikan Rabwah dari tanah yang gersang kepada tanah rumput yang subur dengan imej kehijauan.
- ◆ Beliau juga telah berkhidmat sebagai seorang ahli Jabatan Qadha (Kehakiman) dari tahun 1988 hingga 1995.

S11

Jawatan apa sahaja yang disandang oleh Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} semasa mengkhidmati Majlis Khuddamul Ahmadiyah?

J:

Beliau adalah Muhtamim (Sekretari) Sihat Jismani (Physical Health) 1976-77, Muhtamim Tajnid (banci dan rekod keahlian) 1984-85, dari 1985-86 hingga 1988-89 Muhtamim Majalis-e-Bairoon (Sekretari Hal Ehwal Luar). Dari 1989-90 beliau adalah Naib Sadr (Timbalan Presiden) Khuddamul Ahmadiyah Pakistan.

S12

Siapakah penghasut di dalam kes tuduhan tidak berasas terhadap Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} sebelum beliau menjadi Khalifah ?

J:

Anak lelaki kepada Maulwi Manzoor Chinioti, seorang pengikut agama yang fanatik bahkan dikenali sebagai seorang yang tidak bersikap benar, telah membuat aduan kepada polis tempatan bahawa Hazrat Sahibzada Mirza Masroor Ahmad dan Col. Mahmud bertanggungjawab terhadap kerosakan ayat-ayat suci Al-Quran.

S6

Berapakah usia Hazrat Sahibzada Mirza Masroor Ahmad^{aba} ketika beliau menjadi seorang Musi?

J:

Ketika beliau berusia 17 tahun.

S7

Bilakah Hazrat Sahibzada Mirza Masroor Ahmad^{aba} menyerahkan seluruh hidupnya untuk Islam?

J:

Dalam tahun 1977, beliau menyerahkan hidupnya (iaitu dipanggil menjadi seorang Waqif Zindagi) untuk Islam, dan sebagaimana yang diarahkan oleh Hazrat Hafiz Mirza Nasir Ahmad, Khalifatul Masih III^{rta}, beliau terus ke Ghana di bawah skim Nusrat Jehan.

S8

Apakah perkhidmatan yang dilaksanakan mengikut lapangan pelajaran Hazrat Sahibzada Mirza Masroor Ahmad^{aba} semasa Waqf beliau di Afrika?

J:

Beliau adalah ketua pengasas kepada Sekolah Menengah Ahmadiyah Salaga, sebuah sekolah di bahagian utara Ghana, di mana beliau telah berkhidmat selama dua tahun. Beliau juga pernah menjadi pengetua di Sekolah Menengah Ahmadiyah di Essarkyir di mana beliau telah berkhidmat selama empat tahun.

S9

Apakah perkhidmatan pertanian yang telah Hazrat Sahibzada Mirza Masroor Ahmad^{aba} laksanakan semasa Waqf beliau di Afrika?

J:

Beliau telah dilantik sebagai Pengurus ladang pertanian Ahmadiyah di Depali, bahagian utara Ghana, untuk 2 tahun. Di sana, beliau telah berjaya menguruskan pertumbuhan gandum untuk pertama kalinya di dalam sejarah negara tersebut.

S67

Bila Rasulullah^{saw} wafat?

J:

Rasulullah^{saw} wafat pada 26hb Mei 632 M atau 1hb Rabi'ul Awwal pada tahun ke-11 dalam kalender Hijrah. Masa itu beliau berumur 63 tahun.

S68

Berapa lama Rasulullah^{saw} hidup selepas beliau mengisyiharkan kenabiannya?

J:

Lebih kurang 23 tahun.

S69

Pada masa kewafatan Rasulullah^{saw}, sang penyajak Hazrat Hassan bin Tsabit^{ra} menulis sebuah bait ayat. Apa isi bait tersebut?

J:

فَعَمِي عَلَيْكَ الْبَاطِرُ
فَعَلَيْكَ كُنْتُ أَحَانِرَ

كُنْتَ السَّوَادَ لِنَاظِرِي
مَنْ شَاءَ بَعْدَكَ فَلِيَمْتَ

“Engkau adalah mata hitamku. Sekarang dikeranakan engkau telah tiada, mata saya menjadi buta. Saya tak peduli sesiapa yang wafat selepas kewafatan engkau. Kerana saya hanya takutkan kewafatanmu.”

S70

Pada masa kewafatan Rasulullah^{saw}, siapakah yang mengancam untuk membunuh sesiapa yang mengatakan bahawa Nabi^{saw} telah wafat?

J:

Hazrat 'Umar^{ra}

S71

Pada masa kewafatan Rasulullah^{saw}, siapakah yang mengutarakan perkataan sebagai berikut “Tuhan sebagai saksi. Kewafatan tidak akan datang lebih dari dua kali”. Jelaskan makna daripada perkataan tersebut.

J:

Hazrat Abu Bakar^{ra}. Perkataan tersebut bermakna walaupun Rasulullah^{saw} telah wafat secara jasmani, tetapi tidak semestinya wafat secara rohani. Contohnya: pengajaran yang telah beliau berikan di kalangan pengikutnya akan terus hidup.

S72

Di kota manakah Rasulullah ^{saw} dikebumikan?

J:

Madinah.

S73

Selepas kewafatan Nabi Muhammad^{saw}, berapa kerapkah Hazrat Bilal^{ra} melaungkan Azan di depan khalayak umum? Gambarkan bagaimana peristiwa itu terjadi.

J:

Dua kali. Keadaan Hazrat Bilal^{ra} sejurus selepas menyebut nama Muhammad^{saw}, beliau menitiskan air mata dan tak dapat melanjutkannya lagi. Beliau melaungkan Azan semasa Hazrat Umar^{ra} membuat permintaan khas ketika jatuhnya Damascus ke tangan kaum Muslimin, dan yang kedua kalinya semasa beliau berziarah ke makam Rasulullah^{saw} atas permintaan Hazrat Imam Hassan^{ra}, dan Hazrat Imam Hussain^{ra}. Diberitakan bahawa lorong-lorong di Madinah dipenuhi orang-orang yang berlinang air mata dengan emosi ketika mendengar suara syahdu Hazrat Bilal^{ra} memanggil mereka untuk beribadah.

S74

Masjid Nabawi terletak di mana?

J:

Di Madinah.



S75

Siapakah yang terpilih sebagai pengganti pertama (Khalifah) Rasulullah^{saw}?

J:

Hazrat Abu Bakar^{ra}

S76

Bilakah Hazrat Abu Bakar^{ra} dilahirkan?

J:

572 M.



HAZRAT KHALIFATUL MASIH V^{aba}



S1

Bilakah Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} dilahirkan?

J:

Pada 15hb September 1950.

S2

Siapakah nama ayahanda dan ibunda Hazrat Khalifatul Masih V^{aba}?

J:

Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} adalah anak lelaki kepada Hazrat Sahibzada Mirza Mansoor Ahmad dan nama ibundanya ialah Hazrat Sahibzadi Nasirah Begum.

S3

Apakah perkaitan Hazrat Khalifatul Masih V^{aba} dengan pengasas Ahmadiyah?

J:

Huzur^{aba} adalah cicit kepada Pengasas Jemaat Muslim Ahmadiyah.

S4

Apakah kelayakan akademik yang diperolehi oleh Hazrat Sahibzada Mirza Masroor Ahmad^{aba} dan namakan universitiinya?

J:


Dalam tahun 1976, beliau memperolehi ijazah dalam bidang Ekonomi Pertanian daripada Universiti Pertanian Faisalabad, Pakistan.

S5

Bilakah Hazrat Sahibzada Mirza Masroor Ahmad^{aba} berkahwin dan siapakah nama isteri beliau?

J:

Beliau berkahwin dengan Syeda Amatus Sabooh (anak kepada Allahyarham Sahibzadi Amatul Hakim dan Syed Daud Muzaaffar Shah) pada 31hb Januari 1977.



HAZRAT MIRZA MASROOR AHMAD KHALIFATUL MASIH V^{aba}

S77
Siapakah nama ayahanda Hazrat Abu Bakar^{ra}?

J:
Abu Qahafah.

S78
Siapakah nama ibunda Hazrat Abu Bakar^{ra}?

J:
Ummul Khair Salmah.

S79
Hazrat Abu Bakar^{ra} berasal daripada suku apa?

J:
Quraisy.

S80
Perkataan apakah yang diucapkan oleh Hazrat Abu Bakar^{ra} ketika beliau tiba untuk menyaksikan kewafatan Rasulullah^{saw}?

J:
“Manismu bukan hanya dalam masa hayatmu, dan kemanisanmu ditunjukkan kekal abadi”

S81
Siapakah yang pertama kali baiat untuk taat setia kepada Hazrat Abu Bakar^{ra} sebagai Khalifah?

J:
Hazrat ‘Umar^{ra}

S82
Apakah ketiga masalah utama yang dihadapi Hazrat Abu Bakar^{ra} semasa menjadi Khalifah?

J:

- ◆ Kemunculan nabi-nabi palsu
- ◆ Gerakan pembeloton dari pelbagai suku
- ◆ Keengganan sebahagian kaum Muslimin untuk membayar Zakat

S83

Sebutkan salah satu pencapaian semasa kekhilafatan Hazrat Abu Bakar^{ra}

J:

Salah satu dari banyak pencapaian yang hebat semasa Kekhilafatan beliau adalah pengumpulan Al-Qur'an dalam satu tempat. Walaupun penulisan dan penyusunan Al-Qur'an telah selesai semasa dibawah pengawasan Rasulullah^{saw} sendiri, tetapi masih ditulis dalam pelbagai kepingan kulit, daun serta papan batu dan sebagainya. Hazrat Abu Bakar^{ra} mengumpulkan keseluruhan kepingan tulisan tersebut ke dalam satu tempat dan semua penghafalan disusun dengan lebih sistematik untuk pemeliharaan Al-Qur'an.

S84

Bilakah Hazrat Abu Bakar^{ra} wafat?

J:

Pada 23hb Ogos 634 Masihi.

=====

S85

Dimanakah Hazrat 'Umar^{ra} dilahirkan?

J:

Mekah.

*LOVE FOR ALL
HATRED FOR NONE*

=====

S86

Bilakah Hazrat 'Umar^{ra} dilahirkan?

J:

Beliau lahir pada tahun 581 Masihi.

S87

Siapakah nama ibunda Hazrat 'Umar^{ra}?

J:

Hantma.

S88

Siapakah nama ayahanda Hazrat 'Umar^{ra}?

J: Khattab

S25

Atas ingatan kepada siapakah Dana Maryam telah dinamakan?

J:

Ibunda tercinta Hazrat Khalifatul Masih IV^{rta}, Syeda Maryam Begum^{ra}.

S26

Terangkan mengenai skim Dana Maryam yang dilancarkan oleh Hazrat Khalifatul Masih IV^{rta}.

J:

Ia adalah satu skim yang dilancarkan oleh Huzur^{rta} untuk membantu semua wanita muda yang layak/boleh berkahwin dengan anggota di kalangan Jemaah yang tidak mampu menyediakan barang-barang perhiasan pada perkahwinan mereka.

S27

Bilakah Hazrat Khalifatul Masih IV^{rta} meninggal dunia dan di manakah beliau dikebumikan?

J:

Pada 19hb April 2003. Beliau telah dikebumikan di "Islamabad", Sheephatch Lane, Tilford, UK.

S89

Berapa lamakah masa Kekhilafatan Hazrat 'Umar^{ra}?

J:

10 tahun

S90

Sebutkan beberapa pencapaian yang penting semasa Kekhilafatan Hazrat 'Umar^{ra}?

J:

1. Penubuhan Majlis Syura, sebuah badan konsultasi penasihat kepada Khalifah.
2. Mengatur seluruh negeri Islam menjadi wilayah-wilayah untuk memudahkan pentadbiran.
3. Penubuhan jabatan kewangan, dan pembangunan sekolah-sekolah serta masjid-masjid menjadi bahagian yang berbeza dalam satu negeri.
4. Pengenalan Kalender Islam Hijra.

S91

Bagaimanakah Hazrat 'Umar^{ra} wafat?

J:

Pada tahun 644 Masihi, Hazrat 'Umar^{ra} ditikam oleh seorang hamba sahaya daripada Persia, ketika beliau sedang mengimami solat Subuh di masjid. Disahkan fatal dan membawa kewafatan beliau pada usia 63 tahun.

S92

Bilakah Islam tersebar ke negara Cina?

J:

Dipercuryai bahawa Islam tersebar ke negeri Cina semasa Kekhilafatan Hazrat 'Uthman^{ra} dengan mengirimkan utusan pada tahun 29 H. Utusan tersebut diketuai oleh Sa'ad Bin Abi Waqqas yang menjemput Maharaja Cina, Yung Wei, untuk memeluk Islam. Bermaksud untuk memperlihatkan kegumannya terhadap Islam, Maharaja tersebut memerintahkan pembagunan Masjid Cina pertama, Masjid Canton yang sekarang ini dikenali sebagai masjid kenangan "memorial mosque" dan masih tetap berdiri walaupun selepas Abad ke 15.

S93

Sebutkan satu projek penting yang diselesaikan semasa Kekhilafatan Hazrat ‘Uthman^{ra}

J:

Beliau telah menjadikan Al-Qur'an dalam bentuk yang lebih seragam dan dikirimkan keseluruhan wilayah Arab. Al-Qur'an, seperti yang kita lihat sekarang ini, diseragamkan semasa Kekhilafatannya dan langsung dibawah pengawasan beliau.

S94

Bila dan bagaimakah Hazrat ‘Uthman^{ra} wafat?

J:

Hazrat ‘Uthman^{ra} disyahidkan pada 17hb Jun, 656 Masihi pada usia 82 tahun, ketika beliau sedang menilawatkan Al-Qur'an di rumahnya di Madinah.

S95

Bilakah Hazrat ‘Ali^{ra} terpilih sebagai Khalifah ke-empat?

J:

23hb Jun 656 Masihi.

S96

Ke kota manakah Hazrat ‘Ali^{ra} memindahkan ibu negeri Muslim selepas beliau menjadi Khalifah?

J:

Khufah

S97

Bilakah Hazrat ‘Ali^{ra} disyahidkan?

J:

Pada bulan Januari 661 Masihi, ketika beliau dalam perjalanan ke masjid untuk menunaikan solat Subuh.

S98

Dimanakah kilang pembuat kertas pertama dimulai dalam dunia Islam?

J:

Baghdad

S20

Berikan beberapa nama penting gerakan dan projek-projek Hazrat Khalifatul Masih IV^{rta}.

J:

Projek Buyutil Hamd, pelan Waqf-e-Nau, penyebaran skim Waqf Jadid ke seluruh dunia, dana Syedna Bilal untuk para syahid Ahmadiyah, Humanity First, MTA, Dana Maryam.

S21

Apakah yang dimaksud skim Waqf-e-Nau dan bilakah ianya bermula?

J:

Pada 3hb April 1987, Hazrat Khalifatul Masih IV^{rta} telah memulakan skim di mana anak-anak diwakafkan (sebelum mereka dilahirkan) hanya untuk Ahmadiyah, Islam yang sebenar.

S22

Namakan 3 buah buku yang ditulis oleh Hazrat Khalifatul Masih IV^{rta}.

J:

1. Islam's response to contemporary issues
2. Christianity— A journey from facts to fiction
3. Revelation, Rationality, Knowledge and Truth

S23

Apa yang anda tahu mengenai buku “A Man of God”?

J:


Ia adalah mengenai biografi Hazrat Khalifatul Masih IV^{rta} yang ditulis oleh lain Adamson.

S24

Apakah skim terakhir yang dilancarkan oleh Hazrat Khalifatul Masih IV^{rta}?

J:

Dana Maryam.



S16

Bilakah Jeneral Zia ul Haq, bekas Presiden Pakistan, menemui ajalnya akibat penganiayaan yang dilakukannya terhadap anggota Jemaat Ahmadiyah dan bagaimana ianya terjadi?

J:

Pada 17hb Ogos 1988 di mana kapal terbang yang dinaikinya terhempas dan membunuh seluruh penumpang yang berada di dalam pesawat tersebut.

S17

Bilakah perayaan jubli 100 tahun Jemaat dilaksanakan?

J:

Perayaan jubli yang pertama dilaksanakan pada 1989. Ahmadi di seluruh dunia menyumbangkan doa-doa dan sadaqat (alms). Bagaimanapun, kerajaan Pakistan telah melarang perayaan tersebut dilaksanakan di Rabwah dan di bandar-bandar lain di Pakistan, malah juga tidak membenarkan penyebaran manisan-manisan.

S18

Pada permulaan abad ke-2 Ahmadiyah, apakah wahyu yang diterima oleh Hazrat Khalifatul Masih IV^{rta}?

J:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ

“Assalaamu ‘Alaikum Wa Rahmatullaah”.

S19

Semasa zaman kekhilafatan beliau, Hazrat Khalifatul Masih IV^{rta} telah melawat Qadian. Jelaskan upacara penting tersebut dan tarikh lawatannya.

J:

Huzur^{rta} telah melawat Qadian untuk menyertai Jalsa Salanah yang ke-100 tahun pada 19hb Disember 1991.

S99

Jeneral Muslim manakah yang menawan Sepanyol?

J:

Tariq Bin Ziyad menawan Sepanyol dengan kekuatan 7000 askar. Umat Kristian berjumlah 100,000.

S100

Pada era apakah pemerintahan Islam di Sepanyol?

J:

711 – 1492 Masihi.


S101

Menurut sejarah, bagaimakah Islam tersebar di Sepanyol?

J:

Pada tahun 711 Masihi, seorang pemimpin Kristian yang tertindas bernama Julian pergi menjumpai Musa bin Nusair, yang saat itu menjadi gubernor Afrika Utara, merayu memohon pertolongan untuk melawan Roderick, pemerintah Visigoth Sepanyol yang bersifat tidak adil. Roderick adalah seorang pemimpin yang terlampau kejam. Musa telah dengan mengirim Tariq bin Ziyad seorang jeneral muda dengan kekuatan 7000 pasukan tentera. Nama Gibraltar diperoleh daripada Jabal At-Tariq yang bermakna dalam bahasa Arab “Batu Tariq” sempena tempat dimana askar Muslim mendarat. Satu sebab kejayaan Muslim begitu cepat adalah dikenakan syarat-syarat penyerahan diri yang begitu baik yang telah mereka tawarkan kepada askar Kristian, cara yang sangat berbeza dengan pemerintah sebelumnya yang menjatuhkan hukuman begitu kejam.





S11
Bilakah Hazrat Khalifatul Masih IV^{rta} berhijrah dari Rabwah ke London?

J:
Huzur^{rta} telah meninggalkan Rabwah pada 29hb April 1984.

S12
Siapakah Amir Jemaat Ahmadiyah UK semasa Hazrat Khalifatul Masih IV^{rta} berhijrah dari Pakistan ke United Kingdom?

J:
Maulana Ata'ul Mujeeb Rashed.

S13
Di negara Eropah manakah Hazrat Khalifatul Masih IV^{rta} berhenti untuk beberapa jam sebelum tiba di UK semasa penghijrahan beliau dari Pakistan ke UK pada tahun 1984?

J:
Belanda (Holland).

S14
Bilakah Hazrat Khalifatul Masih IV^{rta} memberikan beberapa siri khutbah beliau di dalam 'White Paper' yang diterbitkan oleh kerajaan Pakistan?

J:
Dari 25hb Januari 1985 sehingga 31hb. Mei 1985. Ianya kemudian diterbitkan di dalam sebuah buku berjudul Zahaqal Batil.

S15
Bilakah Hazrat Khalifatul Masih IV^{rta} mengeluarkan cabaran Mubahalah secara global?

J:
Pada 10hb Jun 1988, Huzur^{rta} telah memberikan cabaran Mubahalah ke seluruh dunia.



S6

Siapakah dan bilakah orang Jemaat pertama di USA yang disyahidkan.

J:

Dr. Muzaffar Ahmad telah syahid di Detroit, USA pada 8hb Ogos 1983.

S7

Bilakah Hazrat Khalifatul Masih IV^{rta} melaksanakan lawatan pertama beliau ke Timur jauh dan Australia?

J:

Dari 22hb Ogos 1983 hingga 13hb Oktober 1983.

S8

Siapakah nama isteri Hazrat Khalifatul Masih IV^{rta}?

J:

Hazrat Syeda Asifah Begum.

S9

Mengapakah Hazrat Khalifatul Masih IV^{rta} mengambil keputusan untuk meninggalkan Pakistan?

J:

Kerana pada Undang-Undang Seksyen 298c, yang mana menyatakan "Sesiapapun daripada kumpulan Qadiani atau Lahore (yang mana menyatakan diri mereka adalah Ahmadi atau nama apapun) yang secara terbuka atau secara senyap mengaku sebagai Islam, atau panggilan, atau merujuk agamanya sebagai Islam, atau mengamalkan atau menyebarkan fahamannya, atau mengajak orang lain untuk menerima fahamannya... Akan dihukum/didenda serta dipenjara atau dengan keterangan lainnya, untuk satu tempoh di mana hukuman boleh dilanjutkan sehingga 3 tahun, dan juga akan dikenakan denda." Oleh itu, adalah mustahil untuk beliau berfungsi sebagai "Imam Jemaat Muslim Ahmadiyah" semasa undang-undang yang tidak adil dan tidak berperikemanusiaan ini dilaksanakan.

S10

Dengan penerbangan manakah semasa penghijrahan bersejarah Hazrat Khalifatul Masih IV^{rta} berlaku?

J:

KLM, Royal Dutch Airlines (Penerbangan Diraja Belanda).



TRADISI-TRADISI SUCI RASULULLAH^{saw}



S1

Apakah makna Hadits dan Sunnah?

J:

Selepas Al-Qur'an, material bahan Islam yang paling penting adalah tradisi-tradisi termasuk Sunnah dan Hadits Rasulullah^{saw}. Sunnah adalah amalan Rasulullah^{saw}, sedangkan Hadits adalah perkataan dan perbuatan beliau^{saw} sebagaimana yang diceritakan oleh pelbagai orang.

S2

Gambarkan secara ringkas mengenai Sahih Sittah (6 Hadits yang dipercayai)

J:

Ahadits (jamak Hadits: Ahadits) dihafal oleh para sahabat Rasulullah^{saw} yang pada masa itu biasa dengan cara penceritaan. Bagaimanapun, kira-kira 200 tahun selepas kewafatan Rasulullah^{saw}, Ahadits dihimpunkan. Kumpulan 6 Ahadits yang paling dipercayai dikenali sebagai *Sahih/Sihahe Sittah*. Dibawah ini adalah nama-nama buku dan penghimpunnya. Kedudukan mereka dalam daftar adalah menurut kepentingan.

Sahih Bukhari oleh Imam Isma'il Bukhari^{rta} 194 – 256 Hijrah

Sahih Muslim oleh Imam Muslim bin Hajjah^{rta} 204 – 261 Hijrah

Sunan Tirmidzi oleh Imam Abu 'Isa bin Tirmidzi^{rta} 209 – 279 Hijrah

Sunan Abu Dawud oleh Imam Abu Dawud Sulaiman^{rta} 202 – 275 Hijrah

Sunan Nasa'i oleh Ahmad bin Shu'aib an-Nasa'i^{rta} 215 – 306 Hijrah

Sunan ibne Majah oleh Abu 'Abdullah bin Yazid ibne Majah^{rta} 209 – 273 Hijrah

S3

Sahabat Rasulullah^{saw} manakah yang paling banyak meriwayatkan Ahadits?

J:

Hazrat Abu Hurairah^{ra} dan Hazrat 'A'ishah^{ra}

S4

Namakan Hadits dimana Rasulullah^{saw} telah menubuatkan kedatangan Mujaddidin (pembaharu) untuk setiap Abad.

J: **إِنَّ اللَّهَ يُعْثِرُ لِهِدِّ الْأُمَّةِ عَلَىٰ رَأْسِ كُلِّ مِائَةِ سَنَةٍ مِّنْ يُجَدِّدُ لَهَا دِينَهَا**

“Sesungguhnya Allah^{swt} akan membangkitkan untuk umat ini pada setiap permulaan seratus tahun seorang Mujaddid yang akan memperbaiki agama”. (*Abu Dawud, Kitabul Fital*)

S5

Sebutkan Hadits yang membuktikan kemungkinan adanya lagi nabi yang datang selepas Rasulullah^{saw}

J:

لَوْ عَاشَ لَكَانَ صَدِيقًا نَّبِيًّا

“Jika ia (Ibrahim^{ra}, anak lelaki Rasulullah^{saw}) masih hidup, tentu ia akan menjadi nabi yang benar.” (*Ibnu Majah*)

S6

Di dalam Hadits manakah usia Nabi Isa^{as} disebutkan oleh Nabi Muhammad^{saw}?

J: **إِنَّ عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ عَاشَ عِشْرِينَ وَ مِائَةَ سَنَةٍ**

“Isa, anak Maryam hidup sampai berusia 120 tahun.”

(*Kanzul Ummal Vol.2 hal.160*)

S7

Gambarkan keadaan fizikal Al Masih yang datang di kalangan bangsa Israel dan Al Masih Mau’ud yang datang kepada kaum Muslimin seperti yang disebutkan dalam Hadits.

J:
Al Masih dari Nazareth digambarkan sebagai seorang lelaki dengan ketinggian sederhana, kulit kemerah-merahan, rambut ikal, dan berdada bidang. (*Sahih Bukhari, Kitabul ‘Anbiya, Hadith No.3437, 3438, diterbitkan oleh Darus Salam, Riyad, 1997*). Di sisi lain, Rasulullah^{saw} menggambarkan bahawa Masih Mau’ud^{as} sebagai seorang yang berkulit coklat terang (seperti warna gandum) dengan rambut lurus panjang. (*Sahih Bukhari, Kitabul ‘Anbiya, Hadith No.3440 diterbitkan oleh Darus Salam, Riyad, 1997*.)



HAZRAT KHALIFATUL MASIH IV^{rta}



S1

Bila dan di mana Khalifah IV^{rta} dilahirkan dan berikan nama ibubapa beliau.

J:

Beliau dilahirkan pada 18hb Disember 1928 di Qadian. Ayahanda beliau bernama Hazrat Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad (Khalifatul Masih II^{rta}) dan ibunda beliau ialah Syeda Maryam Begum^{ra}.

S2

Bilakah pemilihan Khalifah IV^{rta} dilaksanakan?

J:

Pada 10hb Jun 1982.

S3

Bilakah Hazrat Mirza Tahir Ahmad^{rta} berikan amanat bertulis pertama beliau kepada Jemaat?

J:

Pada 13hb Jun 1982 Huzur^{rta} telah memberikan amanat bertulis pertamanya kepada Jemaat di mana beliau meminta supaya berdoa terhadap penindasan Muslim di Palestin.

S4

Bilakah pertama kali Khalifatul Masih IV^{rta} melawat ke Eropah dan negara-negara manakah yang beliau lawati?

J:


Huzur^{rta} telah berangkat pada 28hb Julai 1982 dan melawati Norway, Sweden, Denmark, Jerman Barat, Austria, Switzerland, Perancis, Luxemburg, Belanda (Holland), Sepanyol dan United Kingdom.

S5

Nyatakan satu peristiwa penting yang berlaku semasa lawatan Hazrat Khalifatul Masih ke-4^{rta} ke Eropah pada tahun 1982.

J:

Huzur^{rta} merasmikan Masjid Basharat di Pedroabad, Sepanyol pada 10hb Sept 1982.



**HAZRAT MIRZA TAHIR AHMAD
KHALIFATUL MASIH IV^{rta}**



S8

Sebutkan Hadits yang menyatakan bahawa Al Masih dan Al Mahdi digambarkan sebagai orang yang sama?

J:

لَا مَهْدِيَّ إِلَّا عَنِّي

“Tiada Mahdi melainkan ‘Isa,”
(Ibn Majah, Bab Shiddatuz Zaman)

S9

Jelaskan Hadits di mana Rasulullah^{saw} memerintahkan kita untuk mengirimkan salamnya kepada Masih Mau’ud^{as}.

J:

“Ingatlah, sesiapa yang berjumpa Masih Mau’ud^{as} harus menyampaikan salamku kepadanya.” (Thibrani al-‘aust wal-saghir)

S10

Jelaskan Hadits dimana Rasulullah^{saw} memberikan petunjuk bahawa Masih Mau’ud^{as} adalah seorang yang berasal daripada bangsa Parsi

J:

Allah berfirman dalam Al-Qur'an:

“Dialah Yang telah membangkitkan ditengah-tengah bangsa yang buta huruf seorang rasul dari antara mereka, yang membacakan kepada mereka Tanda-tandaNya, dan mensucikan mereka, dan mengajarkan kepada mereka Kitab dan Hikmah, walaupun sebelumnya mereka berada dalam kesesatan yang nyata. Dan, Dia akan membangkitkannya pada kaum lain dari antara mereka, yang belum bertemu dengan mereka. Dan, Dialah Yang Maha Perkasa, Maha Bijaksana.” (Surah Al Jumu'ah 62:3-4)

Daripada Hadits Sahih Bukhari, menyatakan bahawa ketika Rasulullah^{saw} menilawatkan ayat-ayat diatas, salah seorang sahabat bertanya kepada Rasulullah^{saw}, “Siapakah orang ini? ” Rasulullah^{saw} meletakkan tangannya keatas bahu Hazrat Salman Farsi^{rta} yang berasal dari Parsi, dan berkata: “Jika Iman telah terbang ke bintang Tsurayya, beberapa orang lelaki atau seorang lelaki dari antara orang ini (asal Parsi) akan mengambilnya kembali.” (Sahih Bukhari, Kitab-al Tafsir)

S11

Jelaskan Hadits dimana Rasulullah^{saw} menggambarkan keadaan Umat Islam pada akhir zaman.

J:

“Akan datang suatu masa dimana orang-orang mengaku Islam tetapi hanya tinggal namanya, Al-Qur'an hanya tinggal tulisannya sahaja. Masjid-masjid penuh dengan penghuni tetapi kosong daripada petunjuk. Ulama mereka adalah seburuk-buruknya manusia di kolong langit dan mereka akan melemparkan fitnah tetapi fitnah itu akan kembali kepada mereka.” (*Mishkatul Masabih, Kitabul 'Ilm*). Hadith lainnya adalah: “Suatu masa akan datang dimana pengikut-pengikutku akan terpecah menjadi 73 golongan. Semuanya akan mendapat siksaan api neraka kecuali satu golongan.”

S12

Sebutkan tugas-tugas Mau'ud^{as} seperti dalam Hadits.

J:

“Ia akan menjadi hakim yang adil, ia akan mematahkan salib (membatalkan ajaran Kristian dengan bukti-bukti) dan membunuh babi (menggambarkan sifat seorang yang tamak, kotor, dan menyebalkan). Membunuh adalah bermaksud secara rohani. Dan ia akan menghenti perang.” (*Sahih Bukhari*, Vol.1, *Babul Nuzul Isa*)

S13

Jelaskan Hadits dimana Rasulullah^{saw} telah menubuatkan bahawa Masih Mau'ud^{as} berasal daripada umatnya

J:

“Bagaimakah keadaan kamu ketika ‘Isa ibnu Maryam turun (datang) diantara kamu dan dia akan menjadi Imammu diantara kamu?’” (*Bukhari, Kitabul Anbiya Babul Nuzul Isa*)

S14

Jelaskan Hadits yang menerangkan terjadinya tanda-tanda besar berupa gerhana bulan dan gerhana matahari disebutkan berkenaan dengan kedatangan Imam Mahdi

J:

“Sesungguhnya untuk Mahdi kita ada 2 tanda dimana tidak pernah terjadi semenjak saat langit dan bumi diciptakan. Gerhana bulan akan terjadi pada malam pertama bulan Ramadhan dan gerhana matahari akan terjadi pada pertengahannya (bulan Ramadhan yang sama) dan tanda-tanda ini belum pernah terjadi semenjak Tuhan menciptakan langit dan bumi.”

- Pada tahun 1976, Huzur berkunjung ke Eropah (UK, Sweden, Denmark, Norway, Jerman, Switzerland dan Holland) dan juga ke Afrika dan Canada.
- Pada tahun 1978, Huzur berkunjung ke Eropah dan mengambil bahagian dalam persidangan Kasr-e-Saleeb ‘mematahkan kayu salib’ di London.
- Pada tahun 1980, Huzur melawat 13 negera di Eropah, Amerika, Australia dan Afrika.

S18

Pada upacara apakah Hadrat Khalifatul Masih III^{rta} mengumumkan motto “Love for All, Hatred for none”?

J:


Semasa perletakan batu asas di Masjid Basharat di Sepanyol.

S19

Bila Hazrat Khalifatul Masih III^{rta} wafat?

J:

Pada 8hb Jun 1982.



S14

Apa yang anda tahu mengenai bintang Ahmadiyah?

J:

Pada upacara Jalsa Salana Rabwah tahun 1981, Hazrat Khalifatul Masih III^{rta} menganugerahkan anggota Jemaat Ahmadiyah dengan Bintang Ahmadiyah, melambangkan orang-orang hebat yang dilahirkan dalam Jemaat dan akan terus lahir sehingga Hari Penentuan. Bintang ini mempunyai 14 bucu yang mewakili 14 abad. Setiap bucu ditulis dengan Allahu Akbar. Bintang yang di tengah pula ditanda dengan "Laa ilaaha illallaah".

S15

Senaraikan mana-mana 2 buku yang ditulis oleh Hazrat Khalifatul Masih III^{rta}.

J:

1. 23 great objectives of building the house of Allah.
2. A message of Peace and a word of warning.

S16

Tuliskan beberapa nama skim penting yang ditubuhkan oleh Khalifah ketiga.

J:

Fadl Umar Foundation, Skim Waqf Arzi, Skim Nusrat Jehan, 100 tahun Jubli Tahrik, Ta'limul Qur'an dan Pencen Waqf selepas persaraan.

S17

Dalam tahun manakah Hazrat Khalifatul Masih III^{rta} telah melakukan lawatan jelajah ke luar Negara?

J:

- Pada tahun 1967, Huzur berkunjung ke England, Jerman Barat, Switzerland, Holland, Denmark. Huzur telah melancarkan Masjid Nusrat Jehan di Copenhagen.
- Pada tahun 1970, Huzur berkunjung ke England, dan Afrika Barat (Ghana, Sierra Leone, Nigeria, Ivory Coast, Liberia dan Gambia).
- Pada tahun 1973, Huzur berkunjung ke Jerman Barat, Switzerland, Holland, Denmark, Sweden dan UK.
- Pada tahun 1975, Huzur berkunjung ke UK, Sweden dan Norway.

*Daruqutni, vol.1, hal.188. Gerhana bulan tepatnya terjadi pada hari khamis pagi 13hb Ramadhan, 1311 A.H. (21hb Mac, 1894) dan gerhana matahari terjadi pada Jum'at pagi pada 28hb dalam bulan Ramadhan yang sama (6hb April, 1894). Gerhana bulan biasanya terjadi pada 13hb, 14hb, atau 15hb dimana biasanya terjadi gerhana bulan, dan menurut nubuwatan, ia terjadi pada tarikh yang pertama. Gerhana matahari boleh terjadi pada 27hb, 28hb, dan 29hb dan ianya terjadi pada 28hb dimana diramalkan terjadi pada tarikh pertengahan. Hazrat Mirza Ghulam Ahmad^{as} mendakwa bahawa nubuwatan tersebut telah terpenuhi dan ianya menguatkan bukti kebenaran dakwaannya bahawa tiada lain selain Allah yang memiliki kekuasaan di langit.


S15

Apakah keempat sumber Hukum-hukum Islam?

J:

1. Al-Qur'an
2. Sunnah dan Hadits-Hadits Rasulullah^{saw}
3. Ijma' (hasil mesyuarat para sahabat Rasulullah^{saw})
4. Qiyyas (hasil mesyuarat para sahabat daripada sahabat Rasulullah^{saw})





S9

Bilakah batu asas di Masjid Aqsa di Rabwah diletakkan, dan bilakah perasmianya dilakukan?

J:

Batu asas tersebut diletakkan pada 28hb Oktober 1966 dan perasmianya telah dilakukan pada 31hb Mac 1972.

S10

Semasa lawatannya ke Afrika dalam tahun 1970, Hazrat Khalifatul Masih III^{rta} telah berjumpa dengan Ketua-ketua Negara yang mana?

J:

Gambia, Ghana dan Sierra Leone.

S11

Bilakah skim Nusrat Jehan untuk Negara-negara di Afrika dilancarkan?

J:

Pada 24hb Mei 1970 di London, oleh Hazrat Khalifatul Masih III^{rta}.

S12

Bila dan di manakah persidangan bersejarah Kasre Saleeb (Pematahan Salib) diadakan?

J:

Pada 2hb - 4hb Jun 1978 di Institut Commonwealth, London. Hazrat Khalifatul Masih III^{rta} telah menyampaikan ucapan penutupan pada 4hb Jun 1978.

S13

Apa yang anda tahu mengenai "Masjid Basharat" di Sepanyol?

J:

Masjid ini adalah masjid yang pertama dibina di Sepanyol setelah hampir 700 tahun. Batu asasnya telah diletakkan oleh Hazrat Khalifatul Masih III^{rta} pada tahun 1980. Beliau telah merasmikan masjid tersebut pada 10hb September 1982.



S5

Bilakah Khalifah ke-3 Masih Mau'ud^{as} dipilih?

J:

Pada 9hb November 1965.

S6

Apakah tabung pertama yang ditubuhkan di bawah Khilafat Salisah dan apakah tujuannya?

J:

Tabung pertama yang ditubuhkan ialah Dana Fazl Umar. Ia bertujuan untuk mengingati Hazrat Khalifatul Masih II^{ra} dan juga untuk menyebarkan tentang skim-skim yang telah dimulakan oleh beliau.

S7

Ketua Negara manakah yang telah menjadi Ahmadi Muslim dan nubuwatan manakah yang telah dipenuhi oleh beliau?

J:

Gabenor Al-Haaj Sir F M Singhat pada tahun 1963 telah menerima Ahmadiyah dan pada tahun 1965 beliau dilantik menjadi Gabenor Jeneral Gambia (Afrika Barat) dan telah meminta Huzur^{rt}a untuk menghantar sedikit baju kepunyaaan Masih Mau'ud^{as} supaya beliau mendapat rahmat daripadanya. Beliau telah menjadi orang yang pertama untuk memenuhi nubuwatan Hz Masih Mau'ud^{as}, seperti yang dinyatakan berikut:

بادشاہ تیرے کپڑوں سے برکت ڈھونڈیں گے

"Raja-raja akan mencari rahmat kurnia dari pakaian engkau."

S8

Apakah firman Allah^{swt} yang diwahyukan kepada ketiga-tiganya seperti yang berikut iaitu, Hazrat Masih Mau'ud^{as}, Hazrat Khalifatul Masih II^{ra}, dan juga Hazrat Khalifatul Masih III^{rt}a, mengenai dilantiknya mereka menjadi wakil di bumi ?

يَادُواً دِإِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ

"Wahai Daud! Kami menjadikan kamu pengganti (wakil) di muka bumi ini"



PARA SAHABAT RASULULLAH^{saw}



S1

Siapakah Syeikhain? Apa hubungannya dengan Rasulullah^{saw} ?

J:

Hazrat Abu Bakar^{ra} dan Hazrat Umar^{ra} juga dikenali sebagai Syeikhain. Kedua anak perempuan mereka menikah dengan Rasulullah^{saw} dan keduanya menjadi Khalifah Rasulullah^{saw}.

S2

Apakah nama penuh Hazrat Abu Bakar^{ra}?

J:

Hazrat 'Abdullah bin Abi Qahafah^{ra}

S3

Siapakah para 'Ashra-Mubashera?

J:

'Ashra-Mubashera adalah 10 sahabat Rasulullah^{saw}, yang beruntung kerana dikhaskan berita gembira mengenai mereka akan berada di syurga sepanjang hayat di sisi Rasulullah^{saw}. Mereka adalah:

1. Hazrat Abu Bakar^{ra}
2. Hazrat 'Umar bin Khattab^{ra}
3. Hazrat 'Uthman bin 'Affan^{ra}
4. Hazrat 'Ali bin Abi Talib^{ra}
5. Hazrat Talhah bin 'Ubaidullah^{ra}
6. Hazrat Zubair bin Al-'Awwam^{ra}
7. Hazrat 'Abdur Rahman bin 'Auf^{ra}
8. Hazrat Sa'd bin Abi Waqqas^{ra}
9. Hazrat Sa'id bin Zaid^{ra}
10. Hazrat Abu 'Ubaidah bin Al-Jarrah^{ra}

S4

Namakan hamba sahaya yang dibebaskan dan kemudian dilantik sebagai Ketua Panglima tentera oleh Rasulullah^{saw}

J:

Hazrat Zaid bin Harits^{ra}

S5

Siapakah nama sahabat Rasulullah^{saw} yang merupakan seorang penyajak terkenal pada zamannya? Tuliskan salah satu baitnya.

J:

Hazrat Hassan bin Tsabit^{ra}

فَإِنْ أَبِي وَوَالدَّهُ وَعَرْضِي لِعِرْضٍ مُحَمَّدٌ مِنْكُمْ وَقَاءُ

“Wahai para musuh Nabi, sememangnya ayahandaku, dan ayahanda beliau, serta kehormatanku adalah perisai untuk kehormatan Rasulullah^{saw}.”

S6

Apakah yang dikatakan oleh Hazrat ‘A’ishah^{ra} mengenai *Khataman Nabiyin*?

J:

قُولُوا إِنَّهُ خَاتَمُ الْأَنْبِيَاءِ وَلَا تَقُولُوا لَا نَبِيَّ بَعْدَهُ

“Katakanlah, dia (Rasulullah^{saw}) adalah penghabisan para Nabi, tetapi jangan katakan, tiada nabi sesudahnya.” (*Durre Mansoor*, Vol.5, Hal.204)

S7

Siapakah yang mensyahidkan Hazrat ‘Umar^{ra} dan Hazrat ‘Ali^{ra}? Bila terjadi?

J:

Hazrat ‘Umar^{ra} disyahidkan oleh Abu Lu’lu Feroze, seorang hamba berbangsa Parsi pada 1hb Muharram 23 Hijrah. Hazrat ‘Ali^{ra} disyahidkan oleh ‘Abdul Rehman bin Maljam Kharijite pada 21hb Ramadhan 40 Hijrah.

S8

Jelaskan secara ringkas bagaimana Hazrat ‘Uthman^{ra} disyahidkan.

J:

‘Abdullah bin Sabah dan askarnya mengepung sekitar Madinah. Para pemberontak menyerbu rumah Hazrat ‘Uthman^{ra} dan mensyahidkannya ketika beliau tengah menilawatkan Al-Qur'an. Peristiwa yang menyediakan ini terjadi pada 18hb Dhul Hijja 35 H. (17hb Jun, 656 Masihi).



HAZRAT KHALIFATUL MASIH III^{rta}



S1

Sebutkan wahyu yang telah diturunkan oleh Allah^{swt} kepada Hz Masih Mau’ud^{as} yang menyebut tentang Hazrat Hafiz Mirza Nasir Ahmad^{rta}.

J:

اَنَّ نُبَشِّرُكَ بِغُلَامٍ نَافِلَةً لَكَ

“Kami mengirimkan khabar gembira tentang seorang anak lelaki yang merupakan cucu daripada engkau.”

S2

Bila dan di manakah Hazrat Hafiz Mirza Nasir Ahmad^{rta} dilahirkan?

J:

Huzur^{rta} dilahirkan pada 16hb November 1909 di Qadian, India.

S3

Berapakah umur Hazrat Sahibzada Mirza Nasir Ahmad semasa beliau menghafal seluruh Al-Qur'an?

J:



Ketika berumur 13 tahun.

S4

Sebelum Khilafat, jawatan apa yang telah dipegang oleh Hazrat Sahibzada Mirza Nasir Ahmad^{rta} di dalam Jemaat?

J:

- Pengetua Jami’ah Ahmadiyah
- Sadr Khudamul Ahmadiyya (sedunia)
- Pengetua Kolej Ta’limul Islam di Qadian, Lahore dan Rabwah
- Sadr Majlis Ansarullah (sedunia)



HAZRAT MIRZA NASIR AHMAD KHALIFATUL MASIH III^{rta}



S9

Apakah yang dimaksud dengan *Tabi'in*? Namakan dua *Tabi'in* yang terkenal.

J:

Tabi'in adalah orang-orang yang beruntung menjadi sahabat daripada sahabat Rasulullah^{saw}. Hazrat Hassan Basri^{rta} dan Hazrat Owais Qarni^{rta} adalah dua orang Tabi'in yang terkenal.

S10

Namakan seorang wanita penyajak muslim

J:

Hazrat Khansa^{rta}

S11

Namakan seorang wanita Sufi yang terkenal

J:

Hazrat Rabi'ah Basri^{rta}

S12

Sebutkan empat A'immah Fiqah Islam (Jurisprudence)

J:

1. Hazrat Imam Abu Hanifah^{rta} daripada Kufah (80 – 150 H)
2. Hazrat Imam Malik^{rta} daripada Madinah (95 – 179 H)
3. Hazrat Imam Muhammad al Syafie^{rta} daripada Madinah (105 – 204 H)
4. Hazrat Imam Ahmad bin Hanbal^{rta} daripada Baghdad (164 – 241 H)

Keempat juri dan ahli agama yang agung ini mencuba untuk menyusun hukum Islam secara sistematik ke dalam sistem yang menyeluruh, mencakupi seluruh keadaan yang menurut perundangan. Keempat sekolah hukum Islam yang terkemuka dinamakan sempena pengasasnya dan disebut sebagai sekolah hukum agama Hanafiyyah, Malikiyyah, Syafi'iyyah dan Hanbaliyyah.

S13

Nama para Mujaddidin (pembaharu) dalam Islam

J:

- Abad ke 1 Hazrat ‘Umar bin ‘Abdul ‘Aziz^{rta}
- Abad ke 2 Hazrat Imam Shafi'i^{rta}, dan menurut beberapa adalah Hazrat Ahmad bin Hanbal^{rta}
- Abad ke 3 Hazrat Abu Sharah^{rta}, Hazrat Abul Hassan Ash'ari^{rta}
- Abad ke 4 Hazrat Qadi Abu Bakar Baqilani^{rta}
Hazrat Abu ‘Abdullah Nishanpuri^{rta}
- Abad ke 5 Hazrat Imam Ghazali^{rta}
- Abad ke 6 Hazrat Abdul Qadir Jailani^{rta}
- Abad ke 7 Hazrat Imam Ibnu Taimiyah^{rta}
Hazrat Khwajah Mu'inuddin Chisti Ajmeri^{rta}
- Abad ke 8 Hazrat Ibnu Hajar ‘Asqalanir ra, Hazrat Saleh bin ‘Umar^{rta}
- Abad ke 9 Hazrat Jalaluddin Suyuti^{rta}
- Abad ke 10 Hazrat Muhammad Tahir Gujrati^{rta}
- Abad ke 11 Hazrat Mujaddid Alif Thani Ahmad Sar-hindi^{rta}
- Abad ke 12 Hazrat Shah Wali Ullah^{rta} (1702 – 1762 Masihi)
- Abad ke 13 Hazrat Syed Ahmad Brelwi Shahid^{rta} (1786 – 1831 Masihi)
- Abad ke 14 Hazrat Mirza Ghulam Ahmad daripada Qadian, Masih Mau'ud dan Imam Mahdi^{as} (1835 – 1908 Masihi)

“Dan siapakah yang lebih baik dalam percakapannya daripada orang yang mengajak manusia kepada Allah dan beramal soleh, serta berkata “sesungguhnya aku Termasuk orang-orang yang berserah diri.”
(Al-Qur'an, Surah Ha Mim Sajadah : 34)

S14

Berikan pengenalan secara ringkas mengenai Hazrat Ni'matullah Wali^{rta}

J:

Hazrat Ni'matullah Wali^{rta} adalah seorang lelaki yang sangat bertaqwa dan beliau mendapat kasyaf dari Tuhan. Beliau tinggal di Delhi, India lama sebelum kedatangan Masih Mau'ud^{as}. Beliau menulis Qasidah yang menyebutkan mengenai tanda berkenaan dengan kedatangan Masih Mau'ud^{as}.

S15

Sebutkan satu nubuwatan daripada Qasidah Hazrat Ni'matullah Wali^{rta}

J:

“Saya diberitahu dalam kasyaf bahawa nama Imam tersebut mestilah Ahmad. Beliau akan melalui zamannya dengan penuh kejayaan. Kemudian anak lelaki beliau, yang serupa dengan beliau, akan membawa pembaharuan/manisfetasi.”

S33

Bila Hazrat Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad, Khalifatul Masih II^{ra} telah melakukan lawatan ke-2 ke Eropah?

J:

Pada 29hb April 1955.

S34

Bilakah skim Waqf Jadid dimulakan dan bilakah ia diperluaskan sebagai skim seluruh dunia?


J: Hazrat Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad, Khalifatul Masih II^{ra} yang telah memulakan skim ini pada tahun 1957. Pada mulanya ia telah dibentuk untuk di sub-benua India sahaja dan melalui skim ini, para Mu'allim hanya melakukan dakwah dan mengajar di kawasan tersebut. Pada bulan Disember 1985, Hazrat Khalifatul Masih IV^{ra} telah meluaskan skim ini ke seluruh dunia.

S35

Bilakah Hazrat Khalifatul Masih II^{ra} wafat?

J:

Pada 8hb November 1965.



S16

Berikan nama beberapa tabib, saintis, dan ahli filsafat Muslim

J:

- Ibnu Sina (Avicenna) – Tabib, Ahli Filsafat, Ahli Astronomi
- Al Razi – Tabib
- Jabir bin Al-Hayyan (Geber) – Saintis (Bapa/Penemu Kimia Moden)
- Al Khawarizmi – Ahli Astronomi, Matematik, Geografi (Penemu Aljabar, penomboran Arab, dan tanda negative)
- Ibnu Rushd (Averroes) – Ahli Filsafat, Ahli Astronomi
- Al Bairuni – Ahli Sains Fizikal dan Matematik, Ahli Filsafat, Ahli Sejarah
- Al Ghazali – Ahli Filsafat
- Al Farabi (Alpharabius) – Ahli Filsafat
- Professor 'Abdus Salam – Pakar Ilmu Fizik



S17

Siapakah Ibnu Hisham dan Ibnu Khaldun?

J:

Ibnu Hisham adalah seorang ahli sejarah Islam. Buku "Siratun Nabi" (Kehidupan Rasulullah^{saw}) adalah buku yang dapat dipercayai mengenai riwayat hidup Rasulullah^{saw} dan sejarah awal Islam. Ibnu Khaladun adalah seorang ahli sejarah dan filsafat yang terkenal. Buku-bukunya yang terkenal adalah "Tarikh Ibnu Khaladun" dan "Muqaddamah Ibnu Khaladun".





**Hazrat Mirza Ghulam Ahmad^{as}
“Imam Mahdi dan Nabi Isa
yang dijanjikan”
oleh Nabi Muhammad^{saw}**



S28

Semasa berpindah dari Qadian, India ke Pakistan, berapakah jumlah Ahmadi yang tetap tinggal di Qadian?

J:

313 orang.

S29

Apakah gelaran yang diberikan kepada mereka yang telah tinggal di Qadian semasa pemisahan sub-benua India?

J:

Orang-orang Darwis.

S30

Siapa yang telah meletakkan batu asas di Rabwah dan bilakah ini berlaku?

J:

Hazrat Mirza Basiruddin Mahmud Ahmad, Khalifatul Masih II^{ra} telah meletakkan batu asas tersebut pada 20hb September 1948.

S31

Semasa kekacauan yang dilakukan oleh Anti-Ahmadiyah di Pakistan, bilakah Hazrat Mirza Sharif Ahmad^{ra} dan Hazrat Mirza Nasir Ahmad^{ra} ditahan?

J:

Pada 1hb April 1953.

S32

Siapakah yang cuba membunuh Hazrat Mirza Basiruddin Mahmud Ahmad, Khalifatul Masih II^{ra}? Bila dan di manakah perkara ini terjadi?

J:

Di Masjid Mubarak, Rabwah, pada 10hb Mac 1954 selepas solat Asar oleh seorang yang bernama ‘Abdul Hamid.

S22

Bilakah Hazrat Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad, Khalifatul Masih II^{ra} menaikkan bendera Ahmadiyah buat pertama kalinya?

J: Hazrat Khalifatul Masih II^{ra} pertama kali telah menaikkan bendera Ahmadiyah (Liwa Ahmadiyah) pada 28hb Disember 1939 pada upacara Jubli Khilafat.

S23

Huraikan bendera Khudamul Ahmadiyah.

J:
Panjang bendera tersebut ialah 18 kaki dan lebarnya 9 kaki. Satu pertiga dari bendera itu mempunyai imej Liwa Ahmadiyah, manakala keseluruhananya dipenuhi dengan 13 jalur hitam dan putih.

S24

Bilakah Majlis Atfalul Ahmadiyah (bagi kanak-kanak lelaki berumur 7-15 tahun) ditubuhkan?

J:
Pada 26hb Julai 1940.

S25

Bilakah Majlis Ansarullah ditubuhkan?

J:
Pada 26hb Julai 1940.

S26

Bilakah Hazrat Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad, Khalifatul Masih II^{ra} menyatakan bahawa beliau adalah "Anak Lelaki yang Dijanjikan" sebagaimana yang telah dinubuatkan oleh Masih Mau'ud^{as}?

J:
Pada 28hb Januari 1944.

S27

Bilakah Hazrat Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad, Khalifatul Masih II^{ra} berpindah dari Qadian ke Lahore?

J:
Pada 31hb Ogos 1947.



SEJARAH AHMADIYAH



S1

Apa itu Ahmadiyah?

J:

Ahmadiyah ialah kebangkitan Islam yang mewarisi perjuangan Rasulullah^{saw}

S2

Siapa pengasas Ahmadiyah dan bilakah beliau dilahirkan?

J:

Hazrat Mirza Ghulam Ahmad^{as} dan lahir pada 13hb Feb 1835

S3

Apakah dakwaan Hazrat Mirza Ghulam Ahmad^{as}?

J:

Beliau mendakwa dirinya sebagai Masih Mau'ud^{as} dan Imam Mahdi^{as}.

S4

Pada tahun 1868, Hz Masih Mau'ud^{as} yang terkenal dengan pengetahuan Islam yang tinggi telah diminta oleh sekelompok orang yang ingin memalukan Maulwi Muhammad Hussain untuk berdebat dengannya. Setelah Maulwi Muhammad Hussain berhujah mengenai ajarannya, Apakah tindakan Masih Mau'ud^{as}?

J:

Hz Masih Mau'ud^{as} mengatakan hujah yang diberikan oleh Maulwi Muhammad Hussain pada waktu itu adalah benar dan tidak bertentangan dengan Islam. Beliau enggan berdebat kerana tiada apa yang perlu didebatkan. Orang-orang yang telah berkumpul untuk mempersendakan Maulwi Muhammad Hussain merasa kecewa dan membantah keputusan Hz Masih Mau'ud^{as}. Beliau mengatakan bahawa pendiriannya demi Allah semata-mata dan bukan untuk orang lain atau mahukan tepukan, jauh sekali kerana merasa takut untuk berdebat

S5

Pada ketika bilakah Hz Masih Mau'ud^{as} telah menerima wahyu di bawah?

الْيَسَ اللَّهُ بِكَافٍ عَنْدَهُ

“Alaisallaahu bikaafin ‘abdahu”
(Tidakkah Allah cukup bagi hambaNya?)

J:

Ketika ayahanda beliau wafat pada tahun 1876.

S6

Pada tahun berapakah Hz Masih Mau'ud^{as} merantau ke Hoshiarpur di mana beliau telah menghabiskan waktu selama 40 hari dengan bertafakur, beribadah dan berdoa/bersembahyang dengan penuh tekun?

J:

Pada tahun 1886.

S7

Ketika Hz Masih Mau'ud^{as} berada di Hoshiarpur, beliau berdoa dengan tekun selama 40 hari, dan beliau telah menerima banyak wahyu. Salah satu daripada tanda-tanda yang menunjukkan kebenaran Islam ialah dengan kelahiran Hz Muslih Mau'ud^{ra}, yang dinubuatkan berlaku dalam 9 tahun akan datang. Bilakah khabar suka ini terpenuhi?

J:

Khabar suka itu terpenuhi dengan kelahiran Hazrat Mirza Basiruddin Mahmud Ahmad^{ra}, pada 12hb Januari 1889.

S8

Huraikan sedikit perkataan daripada Nubuwatan tentang Hz Muslih Mau'ud^{as} yang akan terpenuhi.

J: “Bergembiralah kerana ada seorang anak lelaki yang segak dan suci akan dianugerahkan kepada engkau. Kamu akan menerima anak muda yang bijaksana dari benihmu dan keturunanmu... Dia ialah cahaya dari Tuhan. Dia akan diberi roh suci lagi kudus and bebas dari segala kekotoran....”

S9

Bilakah upacara pengambilan bai'at yang pertama diadakan?

J: 23hb Mac 1889.

S16

Bilakah Qa'id A'zam Muhammad 'Ali Jinah menyampaikan ucapannya di Masjid Fadli, London?

J:

Pada 23hb April 1933.

S17

Bila dan siapakah yang memperkenalkan skim Tehrik Jadid?

J:

Hazrat Mirza Basiruddin Mahmud Ahmad, Khalifatul Masih II^{ra} yang telah melancarkan skim tersebut pada tahun 1934.

S18

Bilakah pembesar suara pertama kali digunakan untuk solat Jumaat di Masjid Aqsa di Qadian?

J:

Pada 7hb Januari 1938.

S19

Dalam tahun berapakah Majlis Khuddamul Ahmadiyya ditubuhkan?

J:

Tahun 1938.

S20

Bilakah sambutan Jubli 50 tahun Jemaat Ahmadiyah dan 25 tahun Khilafat yang ke-2 telah diraikan?

J:

Tahun 1939.

S21

Pada tahun berapakah Majlis Nasiratul Ahmadiyah ditubuhkan?

J:

Tahun 1939.

9. **Tabuk (September):** Dalam bulan ini, Rasulullah^{saw} melalui perjalanan menuju Perang Tabuk (Ghazwa Tabuk).
10. **Ikha (Oktober):** Rasulullah^{saw} menyatukan kaum Muhajirin (yang berhijrah) dengan kaum Ansar membentuk ikatan persaudaraan.
11. **Nubuwat (November):** Allah, Yang Maha Kuasa, telah menganugerahkan pangkat Kenabian kepada Nabi Muhammad^{rsaw}.
12. **Fatah (Disember):** Dalam bulan ini, penaklukan Mekah terjadi selepas Rasulullah^{saw} memberikan pengampunan terbuka kepada seluruh penduduk Mekah.

S13

Jika anda tahu tentang tarikh-tarikh dalam format kalendar Gregorian, formula apakah yang digunakan untuk ditukar ke format kalendar Islam (Hijrah)?

J:

Tolakkan 621 dari Kalendar Gregorian untuk mendapatkan tahun Hijrah. Contohnya, 2000 M menjadi 1379 H.

S14

Bagaimanakah wahyu kepada Hz Masih Mau'ud^{as} yang berbunyi “Dia akan menjadikan tiga kepada empat” dipenuhi?

J:

Salah satu interpretasinya ialah pada bulan Disember 1930, abang kepada Huzur iaitu Hazrat Mirza Sultan Ahmad mengambil bai'at di tangan beliau, menjadi saudara lelaki yang ke-empat untuk menerima kebenaran Masih Mau'ud^{as}, sekaligus memenuhi nubuwatan tersebut.

S15

Siapakah presiden pertama bagi All India Kashmir Committee yang telah ditubuhkan untuk membela hak kaum Muslim di Kashmir?

J:

Hazrat Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad, Khalifatul Masih II^{ra} yang dilantik sebagai presiden bagi komiti ini pada 15 Julai 1931.

S10

Dimanakah upacara pengambilan bai'at yang pertama dilakukan?

J:

Ludhiana, di rumah Hazrat Sufi Ahmad Jan.

S11

Siapakah orang pertama mengambil ikrar taat setia (bai'at) di tangan Hz Masih Mau'ud^{as}?

J: Hazrat Hakim Maulana Nuruddin^{ra}.

S12

Di bandar manakah Hz Masih Mau'ud^{as} menganggap sebagai rumah kedua beliau?

J: Sialkot.

S13

Apakah yang telah dikatakan oleh Hz Masih Mau'ud^{as} tentang Jemaat Kapurthala?

J:

Hz Masih Mau'ud^{as} mengatakan: “Saya berharap kamu akan berada bersama saya di Hari Penentuan sebagaimana kamu berada bersama saya di dunia ini.”

S14

Nyatakan wahyu Hazrat Masih Mau'ud^{as} yang mengatakan tentang penghijrahan dan kepulangan ke Qadian.

J:

إِنَّ الَّذِيْ فَرَضَ عَلَيْكَ الْقُرْآنَ لِرَأْدِكَ إِلَى مَعَادٍ

“Innalladzii faradha ‘alaikal-Qur'aan laradduka ilaa ma'aadi”

“Dia yang berkhidmat demi Quran, tugas kamu perlu kembali ke tempat asal-mu.”

S15

Bila dan di manakah perjumpaan tahunan (Jalsa Salana) yang pertama Jemaat Ahmadiyah telah diadakan?

J:

Di Masjid Aqsa, Qadian, pada tahun 1891.

S16

Apa yang anda tahu tentang “Jang-e-Muqaddas”?

J:

Ia merujuk kepada debat penulisan dan percakapan di antara Hazrat Masih Mau'ud^{as} dan Reverend 'Abdullah Atham pada tahun 1893 di Amritsar.

S17

Pada tahun berapa berlakunya gerhana yang menepati nubuat Rasulullah^{saw} yang mengukuhkan lagi kebenaran dakwaan Hz Masih Mau'ud^{as}?

J:

Pada tahun 1894 (hemisfera timur) dan tahun 1895 (hemisfera barat).

S18

Bilakah buku “Filsafat Ajaran Islam” ditulis?

J:

Pada tahun 1896.

S19

Untuk upacara apakah buku “Filsafat Ajaran Islam” ditulis oleh Hz Masih Mau'ud^{as}?

J:

Untuk dibacakan pada Persidangan Agama (“The Conference of Religions”) pada tahun 1896.

S20

Di manakah Persidangan Agama (“The Conference of Religions”) pada tahun 1896 diadakan?

J:

Lahore.

S11

Bilakah Lajna Imaillah ditubuhkan?

J:

Pada bulan Disember 1922.

S12

Siapakah yang telah memperkenalkan Kalender Hijri Syamsi (matahari)? Namakan bulan-bulannya dan jelaskan sistem penamaannya.

J:

Hazrat Khalifatul Masih II^{ra} yang telah memperkenalkan kalender tersebut pada tahun 1940 (supaya kalender Islam dapat digunakan selain daripada kalender Kristian). Nama bagi bulan-bulan tersebut telah diambil daripada peristiwa-peristiwa yang terkenal di dalam sejarah Islam seperti di bawah ini:

1. **Sulah (Januari)**: Perjanjian Hudaibiyah telah ditandatangani bersama orang-orang Mekah.
2. **Tabligh (Februari)**: Nabi Muhammad^{saw} telah menulis surat kepada raja-raja untuk mengajak mereka menerima agama Islam.
3. **Aman (Mac)**: Nabi Muhammad^{saw} mengumumkan (pada peristiwa baginda menunaikan haji yang terakhir) bahawa nyawa, harta dan maruah seseorang itu adalah suci.
4. **Syahadat (April)**: Di dalam bulan ini, musuh-musuh Islam telah mensyahidkan 77 sahabat Rasulullah^{saw} melalui tipu daya dan janji-janji palsu.
5. **Hijrah (Mei)**: Rasulullah^{saw} berhijrah dari Mekah ke Madinah.
6. **Ihsan (Jun)**: Rasulullah^{saw} telah membebaskan semua tawanan.
7. **Wafa (Julai)**: Di dalam bulan ini, ekspedisi penggabungan terjadi. Ekspedisi tersebut berlaku di Jamadi-uth-Thani, tahun ke-7 selepas Hijrah menuju sebuah tempat yang disebut Najad. Panas yang terik, bilangan transportasi terhad yang diperlukan untuk perjalanan yang jauh, cuaca kering dan kepenatan, membuatkan ekspedisi tersebut sungguh memerlukan bagi kaum Muslimin. Para sahabat menunjukkan kesetiaan yang tinggi sepanjang perjalanan tersebut.
8. **Zuhur (Ogos)**: Allah^{swt} telah membuka jalan kepada Islam untuk berjaya dan berkembang di luar Negara Arab.

S6

Di masjid luar negara yang manakah Hazrat Khalifatul Masih II^{ra} telah meletakkan batu asas dengan tangannya sendiri?

J:

Masjid Fadl di London. Masjid ini merupakan masjid luar negara yang pertama dibina oleh Jemaat. Batu asasnya telah diletakkan dalam tahun 1924.

S7

Bilakah dan siapakah yang mendirikan Kolej Ta'limul Islam di Qadian?

J:

Pada 4hb Jun 1944 oleh Hazrat Khalifatul Masih II^{ra}.

S8

Namakan 7 buku yang ditulis oleh Hazrat Khalifatul Masih II^{ra}.

J:

- ◆ Da'watul Amir
- ◆ Ta'alluq Billah
- ◆ Nizam Nau
- ◆ Tafsir Saghir
- ◆ Tafsir Kabir
- ◆ Taqdir Ilahi
- ◆ Zikr Ilahi

S9

Di luar sub-benua India, bilakah bermulanya Pusat Ahmadiyah yang pertama? Siapakah mubaligh pertama yang ditugaskan untuk Pusat ini?

J:

Pada 28hb Jun 1914 di London. Mubaligh pertama yang dilantik adalah Hazrat Chaudary Fateh Muhammad Syial^{ra}.

S10

Bilakah Majlis Syura ditubuhkan sebagai badan penasihat yang kekal kepada Khalifah? Bilakah Majlis Syura yang pertama diadakan?

J:

Pada 15hb April 1922, dan Majlis Syura yang pertama diadakan pada 15-16hb April 1922.

S21

Apakah 5 tema yang dimuatkan di dalam buku "Filsafat Ajaran Islam"?

J:

1. Keadaan jasmani, akhlak dan rohani manusia
2. Keadaan manusia selepas mati
3. Tujuan kehidupan manusia dan cara mencapainya
4. Impak amal perbuatan di dunia dan di hari kemudian
5. Jalan dan sarana-sarana untuk mendapatkan ilmu dan ma'rifat Ilahi

S22

Namakan dua suratkhabar pertama yang dikeluarkan oleh Jemaat yang mana Hz Masih Mau'ud^{as} merujuknya ibarat dua tangan Jemaat.

J:

"Al-Hakam" dan "Al-Badr"

S23

Siapakah yang ditujukan dalam baris ayat dibawah tentang Hazrat Masih Mau'ud^{as}?

اڑاے دخن نادان و بے راہ
بترس از تختے بستان خدا

"Berhati-hatilah kamu orang yang tidak berakal dan musuh yang degil. Takutlah kepada belahan pedang Muhammad^{saw}."

J:

Pandit Lekh Ram, seorang ketua Hindu dari Arya Samaj yang dihukum oleh Allah^{swt} kerana penghinaannya terhadap Nabi Muhammad^{saw}.

S24

Allah^{swt} memaklumkan kepada Hz Masih Mau'ud^{as} bahawa Lekh Ram akan menemui ajalnya dalam masa terdekat. Huraikan nubuatannya tersebut.

J:

Hz Masih Mau'ud^{as} mengumumkan bahawa "Dalam jangka masa 6 tahun, Lekh Ram akan menerima balasannya di atas perbuatannya menghina Nabi Muhammad^{saw}." Hz Masih Mau'ud^{as} kemudian menerangkan bahawa Allah^{swt} telah memaklumkan kepada beliau tentang ajal Lekh Ram yang akan menimpanya pada hari Eid. (A'ina Kamalati Islam)

S25

Apakah jawapan Lekh Ram mengenai nubuwatan Hz Masih Mau'ud^{as} yang menyatakan tentang balasannya dari Allah^{swt}?

J:

Lekh Ram yang sepatutnya takutkan balasan dari Allah^{swt} telah meramalkan pula bahawa Hz Masih Mau'ud^{as} akan wafat disebabkan penyakit kolera dalam masa 3 tahun dan keturunan beliau juga tidak akan selamat.

S26

Bagaimana nubuwatan Hz Masih Mau'ud^{as} tentang Lekh Ram dipenuhi?

J:

Walaupun beliau dikawal ketat oleh para pengikutnya, seorang yang tidak dikenali telah menikam Lekh Ram sebanyak 6 kali pada 6hb Mac 1897, iaitu sehari selepas Eid. Sehingga hari ini pihak polis tidak menemui pembunuohnya.

S27

Dalam tahun berapakah bencana telah melanda benua India?

J: 1899.

S28

Senaraikan dua tema daripada buku “Jesus di India” yang ditulis oleh Hazrat Masih Mau'ud^{as} pada tahun 1899.

J:

- ◆ Jesus tidak mati di salib
- ◆ Jesus telah menjelajah ke India dan dia wafat secara semulajadi

S29

Dalam tahun apakah majalah “Review of Religions” pertama kali diterbitkan?

J:

1902.

S30

Siapakah tokoh agama Kristian di USA yang mati penuh penghinaan akibat menghina Nabi Muhammad^{saw} dan diberi amaran oleh Imam Mahdi^{as}?

J.

Alexander Dowie



HAZRAT KHALIFATUL MASIH II^{ra}



S1

Bilakah Khilafat Ahmadiyah yang kedua bermula?

J:

14hb Mac 1914.

S2

Hazrat Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad, Khalifatul Masih II^{ra} merupakan penjelmaan yang mana menurut nubuwatan Nabi Muhammad^{saw}?

J:

Bahawa Imam Mahdi yang akan datang akan berkahwin dan diberkati dengan anak-anak.

S3

Berapakah jangka masa Kekhilafatan yang kedua?

J:

51 tahun 9 bulan.

S4

Bilakah penubuhan Nazarats dalam Sadr Anjuman Ahmadiyah berlaku?

J:

1hb Januari 1919.

S5

Berapa banyakkah lawatan ke luar negara oleh Hazrat Khalifatul Masih II^{ra}, dan bila ini berlaku?

J:

Huzur^{ra} telah melakukan 2 lawatan ke luar Negara. Pada tahun 1924 beliau melawat England semasa mengambil bahagian di dalam satu persidangan di Wembley, London. Untuk persidangan ini, beliau telah menulis satu kertas kerja yang bertajuk “Ahmadiyyat or The True Islam”. Kertas ini kemudiannya diterbitkan dalam bentuk buku. Dalam perjalanan tersebut beliau telah singgah di Mesir, Palestin, dan Syria. Lawatan kedua beliau ialah pada tahun 1955 semasa beliau melawat Eropah.



**HAZRAT MIRZA BASYIRUDDIN
MAHMUD AHMAD
KHALIFATUL MASIH II^{ra}**



S31

Di dalam sajak Parsi beliau, siapakah yang Hz Masih Mau'ud^{as} gelar sebagai "Sheikh-e-'Ajam"?

J:

Hazrat Sahibzada 'Abdul Latif^{ra} yang disyahidkan di Kabul, Afghanistan pada 16hb Julai 1903.

S32

Setelah mendengar kedatangan Hz Masih Mau'ud^{as}, Hazrat Sahibzada 'Abdul Latif^{ra} menghantar seorang muridnya untuk kemukakan beberapa persoalan. Siapakah nama murid beliau itu?

J:

Hazrat Maulwi 'Abdur Rahman^{ra}.

S33

Terangkan secara ringkas tentang peristiwa penting yang terjadi semasa Hazrat Maulwi 'Abdur Rahman^{ra} berjumpa dengan Hz Masih Mau'ud^{as}?

J:

Hazrat Maulwi 'Abdur Rahman^{ra} mengambil ikrar bai'at di tangan Hz Masih Mau'ud^{as} dan seterusnya pulang ke Afghanistan sebagai seorang Ahmadi Muslim.

S34

Walaupun Hazrat Maulwi 'Abdur Rahman^{ra} telah disyahidkan semasa kepulangannya ke Afghanistan, Hazrat Sahibzada 'Abdul-Latif^{ra} berjaya mendapatkan buku hasil tulisan Hz Masih Mau'ud^{ra}. Apakah nama buku tersebut?

J:

A'ina Kamalati Islam.

S35

Hazrat Sahibzada 'Abdul-Latif^{ra} sedar melalui mimpi yang jelas bahawa beliau akan disyahidkan apabila setibanya di Kabul. Apakah reaksi beliau apabila sesetengah sahabatnya menghalangnya daripada pulang?

J:

"Tidak, tanah airku menuntut darahku dan ia telah ditentukan bahawa darahku akan tumpah di Afghanistan."

S36

Apakah pula reaksi Hz Masih Mau'ud^{as} selepas mendengar berita tentang syahidnya Hazrat Sahibzada 'Abdul Latif^{ra}?

J:

Beliau menulis, "Wahai Tanah Kabul, engkau menjadi saksi bahawa satu jenayah yang dahsyat telah berlaku di tanahmu. Wahai tanah yang malang, kerana di atas tanahmu telah berlaku satu kekejaman, kamu telah diturunkan darjah dan dipandang rendah di mata Yang Maha Kuasa."

S37

**Bilakah batu asas untuk Minaratul Masih dan Baitud Du'a diletakkan?
Siapakah yang meletakkan batu asas tersebut?**

J:

Batu asas diletakkan pada 13hb Mac 1903 oleh Hz Masih Mau'ud^{as}

S38

Dalam tahun berapakah struktur Minaratul Masih disiapkan sepenuhnya?

J:

1916.

*"Hai orang-orang yang beriman,
janganlah harta-hartamu dan anak-anakmu,
melalaikan kamu dari mengingat Allah."
(Surah Al-Munafiqun : 10)*

S39

Bilakah "Bahisyti Maqbarah" di Qadian ditubuhkan?

J:

1905.

S40

Bilakah Sadr Anjuman Ahmadiyah ditubuhkan?

J:

29hb Januari 1906

S41

Pada tahun 1905, Hz Masih Mau'ud^{as} telah menulis sebuah buku yang memberi khabar suka tentang penampakan kudrat kedua di dalam bentuk Khilafat dan penubuhan sebuah perkuburan yang diberi nama "Bahisyti Maqbarah". Apakah nama buku tersebut?

J:

Al-Wasiyyat (The Will).

S17

Bilakah Hazrat Hakim Maulana Nuruddin^{ra} wafat?

J:

13hb Mac 1914.

S18

Sebutkan pencapaian penting semasa zaman Khalifatul Masih I^{ra}?

J:

- ◆ Pelantikan mubaligh-mubaligh (mubaligh yang pertama adalah Chaudary Fateh Muhammad Siyal^{ra} yang telah dihantar ke Inggeris)
- ◆ Penubuhan Baitul Mal
- ◆ Organisasi / Badan Langar secara tetap
- ◆ Pemulaan suratkhabar Nur dan Al-Haq (Suratkhabar Nur adalah ditujukan kepada kaum Sikh manakala Al-Haq pula adalah untuk kaum Hindu). Tujuannya ialah untuk menyebarkan kebenaran Islam kepada kedua penganut agama tersebut.
- ◆ Penubuhan Jami'ah Ahmadiyah
- ◆ Penubuhan Perpustakaan Awam di Qadian



S42

Sila kenal pasti gambar di bawah ini.

J:

Minaratul Masih, Qadian, India.



S43

Apakah nama buku terakhir yang ditulis oleh Hazrat Masih Mau'ud^{as} ?

J:

Paigham-e-Sulah (Pesan Keamanan).

S44

Apakah kata-kata terakhir yang diucapkan oleh Hazrat Masih Mau'ud^{as} sebelum wafat?

J:

“Wahai Allah, Allah yang kucintai”.

S45

Bila dan di manakah Hazrat Masih Mau'ud^{as} wafat?

J:

26hb Mei 1908 di Lahore.

S46

Semasa kewafatan Hazrat Masih Mau'ud^{as}, apakah yang dikatakan oleh anak beliau, Hazrat Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad^{ra}, iaitu Muslih Mau'ud^{ra}?

J:

“Jika yang lain meninggalkan kamu dan saya harus ditinggalkan sendirian, saya akan berdiri menentang seluruh dunia dan tidak akan menagih simpati dari mana-mana penentang atau musuh untuk menyebarkan dan menyempurnakan misimu.”

S47

Pada masa kewafatan Hz Masih Mau'ud^{as}, apakah kata-kata hikmat yang dilafazkan oleh Hazrat Amman Jan^{ra} kepada anak-anak beliau?

J:

“Jangan menyangka bahawa ayahmu meninggalkanmu dengan rumah yang kosong. Akan tetapi dia telah memasangkan untukmu harta yang besar berupa doa dari syurga, yang akan terus-menerus menghasilkan manfaat bagimu sehingga ke waktu yang mendatang”.

S48

Siapakah yang mengetuai solat jenazah Hz Masih Mau'ud^{as}?

J:

Hazrat Hakim Maulana Nuruddin, Khalifah Masih I^{ra}.

S12

Sebutkan salah satu kenyataan yang dibuat oleh Masih Mau'ud^{as} tentang kesetiaan Hazrat Hakim Maulana Nuruddin^{ra}

J:

Beliau mengikuti saya dalam semua perkara sama seperti nadi mengikuti denyutan jantungnya.

S13

Sebutkan satu baris sabda Masih Mau'ud^{as} tentang Hazrat Hakim Maulana Nuruddin^{ra}.

J:

چخوش بودے اگر ہر کیک زامت نور دیں بودے
ہمیں بودے اگر ہر دل پر از نور یقین بودے

Betapa bertuahnya jika setiap orang daripada jemaat ini adalah seperti Nuruddin. Akan tetapi, itu hanya akan berlaku jika setiap hati dipenuhi dengan Nur (cahaya kerohanian).

S14

Bilakah Hazrat Khalifatul Masih I^{ra} menubuhkan Baitul Mal?

J:

30hb Mei 1908.

S15

Siapakah yang meletakkan batu asas di sekolah berasrama di Qadian dan bilakah ini berlaku?

J:

Hazrat Hakim Maulana Nuruddin^{ra} pada tahun 1910.

S16

Bilakah suratbhabar harian “Al-Fazl” dimulakan dan siapakah editor pertamanya?

J:

Ia telah dimulakan pada 18hb Jun 1913 dan editornya ialah Sahibzada Mirza Basyiruddin Mahmud Ahmad. Pada mulanya ia diterbitkan secara mingguan, tetapi kemudian diterbitkan secara harian bermula 8hb Mac 1935 dan kekal sama sehingga ke hari ini.

S6

Bilakah Hazrat Khalifatul Masih I^{ra} menunaikan Haji?

J:

Pada tahun 1865.

S7

Hazrat Khalifatul Masih I^{ra} telah mengembara ke beberapa bandar untuk menimba ilmu. Namakan beberapa bandar tersebut.

J:

Mekah, Madinah, Lahore, Mumbai, Rawalpindi, Rampur, Lukhnow, Bhopal.

S8

Pada tahun berapakah Hazrat Khalifatul Masih I^{ra} pertama kali berjumpa dengan Masih Mau'ud^{as}?

J:

Pada tahun 1885.

S9

Bilakah Masih Mau'ud^{as} melantik Hazrat Hakim Maulana Nuruddin^{ra} menjadi presiden pertama Sadr Anjuman Ahmadiyah?

J:

29hb Januari 1906.

S10

Apakah nama autobiografi pertama mengenai Hazrat Hakim Maulana Nuruddin^{ra}?

J::

Mirqat-ul-Yaqin fi Hayat-e-Nur-ud-Din.

S11

Senaraikan mana-mana 3 buku oleh Hazrat Hakim Maulana Nuruddin^{ra}.

J:

- ◆ Faslul Khitab
- ◆ Tasdiq Barahin Ahmadiyyah
- ◆ Nuruddin

S49

Namakan 5 buah buku yang ditulis oleh Hazrat Masih Mau'ud^{as}.

J:

- Barahin Ahmadiyyah (Bukti-bukti yang menyokong kebenaran Islam dan Nabi Muhammad^{saw})
- Al-Wasiyyat (The Will)
- Islami Usul Ki Philosophy (Filsafat Ajaran Islam)
- Masih Hindustan Mein (Jesus di India)
- Aik Ghalati ka Izalah (Memperbaiki Satu Kesalahan)

S50

Namakan 5 sahabat Hazrat Masih Mau'ud^{as}

J:

- ◆ Hazrat Mufti Muhammad Sadiq^{ra}
- ◆ Hazrat Maulana Sher Ali^{ra}
- ◆ Hazrat Sheikh Ya'qub 'Ali Irfani^{ra}
- ◆ Hazrat Maulana Syed Muhammad Sarwar Shah^{ra}
- ◆ Hazrat Hafiz Raushan 'Ali^{ra}


S51

Mengapakah Baitud dua di Qadian dibina oleh Hz Masih Mau'ud^{as}?

J:

Supaya Hz Masih Mau'ud as boleh bersolat di situ dengan teratur dan penuh khusyuk.

=====



HAZRAT HAKIM MAULANA NURUDDIN KHALIFATUL MASIH I^{ra}



HAZRAT KHALIFATUL MASIH I^{ra}



S1

Siapakah Khalifah yang pertama di bawah Hz Masih Mau'ud^{as}? Bilakah beliau dilahirkan dan bilakah beliau diangkat sebagai Khalifah?

J:

Hazrat Hakim Maulana Nuruddin^{ra}. Beliau telah dilahirkan pada 1841 M. Beliau menjadi Khalifah pada 27hb Mei 1908.

S2

Siapakah ayahanda kepada Hazrat Khalifatul Masih I^{ra}?

J:

Ayah beliau bernama Hafiz Ghulam Rasool.

S3

Siapakah ibunda kepada Hazrat Khalifatul Masih I^{ra}?

J:

Ibu beliau bernama Nur Bakht.

S4

Dimanakah Hazrat Khalifatul Masih I^{ra} dilahirkan?

J:

Bhera, daerah Shahpur, Punjab, India.

S5

Menurut salasilah, daripada manakah asal-usul Hazrat Khalifatul Masih I^{ra}?

J:

Beliau merupakan generasi yang ke-34 daripada keturunan Hazrat Umar^{ra}.

